

SPM 2024



KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI TERENGGANU

# Modul Intervensi Pembelajaran

EKONOMI

Nama : .....

Kelas : .....



DISEDIAKAN OLEH PANEL AKRAM NEGERI TERENGGANU

Tidak dibenarkan menyunting atau mencetak mana-mana bahagian dalam modul ini tanpa kebenaran Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu



# **PANEL AKRAM**

**DASIMAH NAWATI BINTI MUDA  
SMK SULTAN AHMAD, K TRG**

**SUHAIZA BINTI SHEIKH ABDULLAH  
SMA AL FALAH, KEMAMAN**

**HASMAH BINTI YUSOF  
SMK BUKIT TUNGGAL, K NERUS**

**SITI AISAH BINTI MUDA  
SMK MAK LAGAM, KEMAMAN**

**MOHD SYAMRI BIN ABD RAZAK  
SMK TOK DOR, BESUT**

**NORAZLINA BINTI AZIZ  
SMK SERI NILAM, K TRG**

**RADIAH BINTI ISMAIL  
SMK SUNGAI TONG, SETIU**

**MOHD NAZIR BIN DERAMAN  
SMKA WATANIAH, BESUT**

## **BAB 1: PENGENALAN KEPADA EKONOMI**

Arahan: Isi maklumat pada ruang jawapan yang disediakan.

<b>Ciri-ciri Faktor Pengeluaran</b>	
<b>Tanah</b>	
<b>Buruh</b>	
<b>Modal</b>	
<b>Usahawan</b>	

### **MASALAH EKONOMI (KPKL)**

<b>Konsep</b> <b>Unit eko.</b>	<b>Kekurangan</b>	<b>Pilihan</b>	<b>Kos lepas</b>
<b>Isi rumah</b>			
<b>Firma</b>			
<b>Kerajaan</b>			

## MASALAH ASAS EKONOMI (ABBU)

Masalah Asas Ekonomi	Sistem Ekonomi Perancangan Pusat	Sistem Ekonomi Pasaran Bebas	Sistem Ekonomi Campuran
Apa yang hendak dikeluarkan	•	•	•
Berapa hendak dikeluarkan		•	•
Bagaimana hendak dikeluarkan	•	•	•
Untuk siapa dikeluarkan	•	•	•

## PERBEZAAN ANTARA SISTEM-SISTEM EKONOMI

CIRI - CIRI	SISTEM EKONOMI PERANCANGAN PUSAT	SISTEM EKONOMI PASARAN BEBAS	SISTEM EKONOMI CAMPURAN
PEMILIKAN SUMBER	•	•	•
PEMBUAT KEPUTUSAN	•		•
PILIHAN	•		•
PENENTUAN HARGA	•	•	•
PERSAINGAN	•	•	•
MOTIF PENGELUARAN	•		•

## LATIHAN OBJEKTIF

- 1 Kajian tentang ilmu ekonomi merujuk kepada
  - A Gelagat manusia untuk mengeksploitasi sumber-sumber ekonomi yang ada
  - B Usaha kerajaan untuk mengagihkan sumber kekayaan yang ada di negara kita
  - C Keinginan individu tertentu untuk memenuhi semua keperluan dalam kehidupan
  - D Keupayaan individu untuk memenuhi kehendaknya berdasarkan pendapatan yang terhad
  
- 2 Ekonomi merupakan sains sosial yang mengkaji gelagat manusia
  - A memaksimumkan pendapatan dengan bijak
  - B menyelesaikan masalah kewangan secara rasional
  - C memaksimumkan penggunaan sumber-sumber terhad
  - D menggunakan sumber terhad untuk memenuhi kehendak yang tidak terhad
  
- 3 Pernyataan yang manakah betul tentang buruh?
  - I Kuantiti penawarannya terhad
  - II Mempunyai mobiliti geografi tinggi
  - III Alat ciptaan manusia yang digunakan
  - IV Mengeluarkan barang dan perkhidmatan
  - A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
  
- 4 Pasangan yang manakah betul?

	<b>Sumber Ekonomi</b>	<b>Keterangan</b>
<b>A</b>	Tanah	Input yang menyumbang tenaga dalam proses pengeluaran
<b>B</b>	Usahawan	Individu yang berperanan menghasilkan output maksimum
<b>C</b>	Buruh	Alat ciptaan manusia untuk menghasilkan output
<b>D</b>	Modal	Sumber yang penawarannya tidak terhad


- 5 Pasangan yang manakah betul tentang modal dan usahawan?

	<b>Modal</b>	<b>Usahawan</b>
<b>A</b>	Bebas membuat keputusan	Tidak bebas membuat keputusan
<b>B</b>	Terima ganjaran faedah	Terima ganjaran untung
<b>C</b>	Bekerja sendiri	Bekerja dengan orang lain
<b>D</b>	Penawaran terhad	Penawaran tidak terhad

- 6 Pasangan yang manakah betul?

	<b>Buruh</b>	<b>Ciri</b>	<b>Tanah</b>
<b>A</b>	Alat ciptaan manusia	Pengeluar	Anugerah alam semulajadi
<b>B</b>	Upah	Pulangan	Sewa
<b>C</b>	Terhad	Penawaran	Tidak terhad
<b>D</b>	Mobiliti kegunaan	Mobiliti	Mobiliti geografi

- 7 Rajah berikut menunjukkan sumber-sumber ekonomi yang perlu untuk mengeluarkan barang dan perkhidmatan.



Apakah ganjaran yang diberi kepada penyumbang A?

- A Upah
  - B Sewa
  - C Faedah
  - D Untung
- 8 Gambar berikut menunjukkan sejenis faktor pengeluaran.



Pernyataan yang manakah betul berkaitan dengan faktor pengeluaran tersebut?

- A Input produktif yang dicipta oleh manusia untuk mengeluarkan output
  - B Berperanan menyelaras dan menggabungkan faktor pengeluaran
  - C Sumber semulajadi yang mempunyai penawaran terhad
  - D Membenarkan orang lain menguruskan untungnya
- 9 Gambar berikut menunjukkan sejenis faktor pengeluaran.



Pernyataan yang manakah betul?

- A Alat yang dicipta oleh manusia yang membantu dalam pengeluaran

- B Sumber alam semulajadi yang mempunyai penawaran terhad
  - C Gabung dan selaras sumber ekonomi yang lain
  - D Mempunyai mobiliti geografi yang tinggi
- 10 Gambar berikut menunjukkan faktor pengeluaran.



Pernyataan yang manakah betul berkaitan faktor pengeluaran tersebut?

- A Mobiliti geografi yang tinggi
  - B Penawaran yang tidak terhad
  - C Gabung faktor pengeluaran yang lain
  - D Mencapai pengeluaran output yang maksimum
- 11 Gambar berikut menunjukkan sejenis sumber ekonomi.



Pernyataan yang manakah betul menggambarkan sumber ekonomi tersebut?

- A Mendapat ganjaran dalam bentuk faedah
  - B Menggabungkan input-input pengeluaran bagi menghasilkan output
  - C Menyumbangkan tenaga mental dan fizikal dalam proses pengeluaran
  - D Merupakan alat ciptaan manusia untuk mengeluarkan barang dan perkhidmatan
- 12 Maklumat berikut berkaitan dengan satu sumber ekonomi.

Cik Zana adalah pembekal keropok keping di Kuala Terengganu, Terengganu. Jualan keropok keping beliau telah mendapat sambutan yang hangat.

Antara berikut, yang manakah betul berkaitan sumber ekonomi?

- I Menyumbang tenaga fizikal dan mental untuk menghasilkan barangan
  - II Mencapai pengeluaran yang maksimum
  - III Menanggung risiko ketidakpastian
  - IV Merupakan buruh mahir
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

- 13 Puan Salmani bekerja di sebuah hospital di Pahang sebagai seorang jururawat. Beliau telah bekerja selama 5 tahun di hospital tersebut.

Pernyataan yang manakah betul tentang Puan Salmani?

- A Mendapat ganjaran dalam bentuk untung
  - B Merupakan sumber ekonomi yang melakukan inovasi
  - C Menggabungkan faktor pengeluaran bagi menghasilkan output
  - D Menyumbangkan tenaga mental dan fizikal dalam proses pengeluaran
- 14 Apakah tujuan kerajaan membuat pilihan dalam menyelesaikan masalah ekonomi?
- A memenuhi kehendak manusia
  - B meningkatkan kos pengeluaran
  - C menambah output pengeluaran
  - D memaksimumkan kebajikan pengguna
- 15 Pernyataan berikut berkaitan dengan satu masalah ekonomi

Kekurangan faktor pengeluaran mewujudkan pilihan.

Matlamat pilihan tersebut dibuat untuk memaksimumkan

- A keluaran
  - B kebajikan
  - C kepuasan
  - D keuntungan
- 16 Gambar berikut menunjukkan seorang wakil dari jabatan kerajaan sedang berucap.

Kerajaan bercadang membina hospital dan sekolah di pekan ini. Namun disebabkan masalah kekurangan hasil menyebabkan kerajaan memilih untuk membina sekolah rendah di sini.



Apakah sebab keputusan tersebut diambil?

- A Meminimumkan kos pengeluaran
  - B Memaksimumkan kebajikan rakyat
  - C Tahap kepuasan rakyat ditingkatkan
  - D Tahap pendidikan dalam negara telah meningkat
- 17 Rajah berikut menunjukkan masalah yang dihadapi oleh unit firma.



Pernyataan yang manakah betul tentang **A**?

- A Pemilikan sumber ekonomi terhad
- B Keluaran akan memberi kebajikan kepada pengguna
- C Menggunakan teknik yang cekap untuk memaksimumkan kepuasan
- D Firma melepaskan barangan kedua terbaik untuk mendapatkan yang terbaik



- 18 Kedai barangan sekolah MAJU memiliki sumber yang terhad untuk mengeluarkan beg sekolah dan kasut sekolah. Kombinasi keluaran barangan sekolah adalah seperti berikut:

Kombinasi keluaran	Beg sekolah (unit)	Kasut sekolah (unit)
A	20	85
B	60	55

Jika kombinasi keluaran berubah dari A ke B, berapakah kos lepas untuk mengeluarkan 60 unit beg sekolah?

- A 5 unit kasut sekolah  
 B 20 unit beg sekolah  
 C 30 unit kasut sekolah  
 D 40 unit beg sekolah
- 19 Jadual berikut menunjukkan pengeluaran sebuah firma.

Baju T (helai)	Seluar trek (helai)
0	5000
1000	4000
2000	2500
3000	500
5000	0

Apakah kos lepas, jika syarikat tersebut menambah pengeluaran baju T dari 2000 helai ke 3000 helai?


- A 1 000 pasang baju T  
 B 2 000 pasang seluar trek  
 C 2 500 pasang seluar trek  
 D 3 000 pasang baju T
- 20 Jadual berikut menunjukkan pengeluaran Firma Syamri.

Keluaran (unit)	Teknik Modal	Teknik Buruh
Telekung (unit)	120	300
Sejadah (unit)	300	120

Apakah kos lepas, jika firma tersebut menggunakan teknik intensif buruh?

- A 120 unit telekung  
 B 180 unit sejadah  
 C 300 unit sejadah  
 D 420 unit telekung


21 Rajah berikut menunjukkan sebuah keluk kemungkinan pengeluaran.



Pilih pernyataan yang tepat apabila kombinasi pengeluaran bergerak daripada titik A ke B.

- A Keluaran barang X meningkat
- B Keuntungan meningkat bagi barang Y
- C Kadar pengangguran adalah tinggi dalam ekonomi
- D Kemajuan tingkat teknologi pengeluaran berlaku

22 Rajah berikut adalah keluk kemungkinan pengeluaran bagi sebuah ekonomi.



Pernyataan yang manakah betul?

- A Titik A, B, C dan D menunjukkan kombinasi ketidakcekapan ekonomi
- B Titik F menunjukkan masalah ketidakupayaan ekonomi
- C Kos lepas sebanyak 5 unit berlaku daripada titik B ke C
- D Titik kecekapan ialah pada titik E

23 Jadual berikut menunjukkan kombinasi pengeluaran beras dan tepung sebuah ekonomi.

Kombinasi pengeluaran	Beras (kg)	Tepung (kg)
A	0	20
B	5	18
C	9	12
D	15	0

Apakah akan berlaku kepada ekonomi jika kombinasi pengeluaran 9 kg beras dan 16 kg tepung dipilih?

- A Tidak berupaya mencapai kombinasi pengeluaran yang dipilih
- B Beroperasi pada tahap guna tenaga penuh

- C Pengangguran yang serius berlaku
- D Mengalami pembaziran sumber

24 Maklumat berikut berkaitan dengan Syarikat Zara.

Syarikat Zara akan mengeluarkan baju kurung dan menambah 10 orang tukang jahit untuk menjahit baju kurung tersebut.

Antara berikut, masalah asas ekonomi yang manakah telah diselesaikan oleh Syarikat Zara?

- I Apa yang hendak dikeluarkan
- II Berapa yang hendak dikeluarkan
- III Bagaimana hendak dikeluarkan
- IV Untuk siapa hendak dikeluarkan

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

25 Maklumat berikut berkaitan dengan penyelesaian masalah asas ekonomi oleh sebuah firma A.

- Jenis barang dikeluarkan berdasarkan permintaan masyarakat
- Jumlah barang berdasarkan mekanisme pasaran

Antara berikut, masalah asas ekonomi yang manakah dapat diselesaikan oleh firma tersebut?

- I Apa yang hendak dikeluarkan
- II Berapakah hendak dikeluarkan
- III Bagaimana hendak dikeluarkan
- IV Untuk siapa hendak dikeluarkan

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan III
- D III dan IV

26 Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah Firma X

Firma X mengeluarkan sofa dan telah menggunakan 5 buah mesin dan 15 orang tukang kayu untuk membuat sofa tersebut

Antara berikut, masalah asas ekonomi yang manakah telah diselesaikan oleh Firma X?

- I Apa yang hendak dikeluarkan
- II Bagaimana hendak dikeluarkan
- III Untuk siapa hendak dikeluarkan
- IV Berapa yang hendak dikeluarkan

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

27 Pilih pasangan yang betul.

	<b>Masalah Asas Ekonomi</b>	<b>Keterangan</b>
<b>A</b>	Bagaimana untuk dikeluarkan	Dikeluarkan melalui gabungan sumber ekonomi secara maksimum
<b>B</b>	Berapa yang perlu dikeluarkan	Memenuhi keperluan dan kehendak pengguna
<b>C</b>	Apa yang hendak dikeluarkan	Diselesaikan untuk memaksimumkan kos
<b>D</b>	Untuk siapa dikeluarkan	Bergantung kepada corak agihan pendapatan

28 Pernyataan yang manakah betul tentang sebab sistem ekonomi kapitalis lebih baik berbanding sistem ekonomi perancangan pusat?

- A** Pengeluaran barang dan perkhidmatan adalah secara besar-besaran
- B** Kecekapan dalam penggunaan sumber berlaku
- C** Agihan faktor pengeluaran adalah secara saksama
- D** Berlaku agihan pendapatan yang setara

29 Maklumat berikut berkaitan dengan Negara A dan B.

<b>Negara A</b>	<b>Negara B</b>
Barangan dan perkhidmatan awam dikeluarkan oleh kerajaan	Menggunakan teknik pengeluaran yang cekap

Apakah masalah asas ekonomi yang berkaitan dengan maklumat tersebut?

	<b>Negara A</b>	<b>Negara B</b>
<b>A</b>	Berapakah hendak dikeluarkan	Untuk siapa dikeluarkan
<b>B</b>	Apakah barang yang dikeluarkan	Berapakah barang yang dikeluarkan
<b>C</b>	Berapakah barang hendak dikeluarkan	Untuk siapa dikeluarkan
<b>D</b>	Apakah yang hendak dikeluarkan	Bagaimanakah hendak dikeluarkan

30 Pernyataan yang manakah betul tentang kelebihan sistem ekonomi pasaran bebas?

- A** Penggunaan sumber yang cekap
- B** Kebajikan masyarakat diutamakan
- C** Agihan pendapatan yang seimbang
- D** Mewujudkan kuasa monopoli korporat besar

31 Pernyataan yang manakah betul tentang ekonomi Islam?

- A** Pengeluar mengeluarkan barangan untuk mendapat maksimum kos
- B** Mementingkan kebendaan dan kekayaan di dunia untuk keselesaan
- C** Wujudnya persaingan yang adil dan saksama antara pengeluar
- D** Individu bebas memiliki sumber ekonomi

32 Maklumat berikut berkaitan dengan ciri sistem ekonomi sebuah negara.

- |  |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>● Persaingan bebas antara firma</li> <li>● Kebebasan membuat pilihan</li> </ul> |
|--|

Negara tersebut mengamalkan sistem ekonomi

- A** perancangan pusat
- B** campuran

- C kapitalis
- D Islam

- 33 Pernyataan yang manakah betul menggambarkan sistem ekonomi campuran?
- A Harga ditentukan oleh mekanisme harga
  - B Sumber ekonomi dikawal sepenuhnya oleh kerajaan
  - C Cara pengeluaran barang awam ditentukan oleh kerajaan
  - D Individu dan pihak swasta sahaja memiliki faktor pengeluaran

- 34 Maklumat berikut menunjukkan perbezaan antara dua jenis sistem ekonomi.


Negara A	Negara B
Individu dan firma bebas memiliki sumber	Pilihan barang dan perkhidmatan bagi individu adalah terhad.

Apakah sistem ekonomi yang diamalkan oleh kedua-dua negara tersebut?

	Negara A	Negara B
A	Sistem ekonomi pasaran bebas	Sistem ekonomi sosialis
B	Sistem ekonomi sosialis	Sistem ekonomi pasaran bebas
C	Sistem ekonomi pasaran bebas	Sistem ekonomi campuran
D	Sistem ekonomi campuran	Sistem ekonomi sosialis

- 35 Apakah faktor yang mendorong kerajaan untuk campur tangan dalam sistem ekonomi campuran?
- A Memastikan keuntungan yang tinggi diperolehi
  - B Mengelakkan pembaziran faktor pengeluaran
  - C Memaksimumkan kebajikan masyarakat
  - D Melaksanakan projek pembangunan mega

- 36 Rajah berikut menunjukkan ciri bagi dua sistem ekonomi.



Apakah A?

- A Peruntukan sumber ditentukan melalui mekanisme harga
- B Agihan barang berdasarkan tingkat keuntungan
- C Dapat mengawal harga barang keperluan
- D Persaingan adil antara firma wujud

Pilihan jawapan bagi **Soalan 37** hingga **Soalan 40** berdasarkan jadual berikut:

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
<b>A</b>	Betul	Salah
<b>B</b>	Salah	Betul
<b>C</b>	Salah	Salah
<b>D</b>	Betul	Betul

- 37** I Kerajaan menghadapi masalah kekurangan faktor pengeluaran  
 II Kekurangan kerajaan mewujudkan pilihan yang memaksimumkan kepuasan
- 38** I Semua kombinasi pengeluaran di sepanjang keluk kemungkinan pengeluaran menggunakan sumber secara minimum  
 II Analisis keluk kemungkinan pengeluaran mengandaikan ekonomi mencapai guna tenaga penuh.
- 39** I Keluk kemungkinan yang cembung menunjukkan kos lepas semakin meningkat  
 II Analisis keluk kemungkinan pengeluaran mengandaikan teknologi adalah tetap
- 40** I Kos lepas bagi firma ialah output kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan.  
 II Output kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan disebabkan kerana kekurangan wang

### SOALAN ESEI

**1(a)** Jelaskan masalah ekonomi yang dihadapi oleh isi rumah. [5 markah]

**1(b)** Jelaskan masalah kekurangan, pilihan dan kos lepas:

(i) isi rumah [3 markah]

(ii) Kerajaan [3 markah]

**2 (a)** Maklumat berikut berkaitan dengan peruntukan perbelanjaan pembangunan kerajaan.

PROJEK PEMBANGUNAN	ANGGARAN KOS (RM)
Pembinaan jambatan ikonik bandar Jerneh	112.5 juta
Projek pelebaran Jalan Jerneh – Bukit Kenak	95.0 juta

\*Nota : Dana kerajaan sebanyak RM 115 juta.

(i) Apakah masalah kekurangan yang dihadapi oleh kerajaan? [1 markah]

(ii) Jika kerajaan negeri memilih untuk melaksanakan projek pembinaan jambatan ikonik bandar Jerneh,apakah kos lepas yang terlibat? [3 markah]

- 2 (b) Gambar berikut menunjukkan **dua faktor** pengeluaran yang digunakan didalam pengeluaran.



Terangkan **tiga perbezaan** yang terdapat dalam faktor pengeluaran tersebut.

[4 markah]

- 2 (c) Maklumat di bawah berkaitan Puan Suhaiza.

Puan Suhaiza menceburi diri dalam bidang perusahaan makanan. Beliau mengusahakan perusahaan ayam goreng dengan mengupah sepuluh orang pekerja.

Pada pendapat anda, adakah Puan Suhaiza dianggap sebagai usahawan?  
Berikan alasan anda.

[4 markah]

- 2 (d) Terangkan masalah asas ekonomi yang masih belum diselesaikan dalam situasi diatas

[4 markah]

- 3 Maklumat berikut berkaitan dengan Cik Aisyah.

Cik Aisyah merupakan pekebun kecil di Kemaman, Terengganu. Beliau mempunyai kebun seluas 10 hektar dan menggajikan 7 orang pekerja. Beliau mempunyai modal sebanyak RM300,000. Dia telah memilih untuk menanam durian musang king yang berjumlah RM245,000 berbanding kelapa sawit yang bernilai RM195,000.

- (i) Terangkan tiga faktor pengeluaran yang terdapat dalam petikan tersebut. [6 markah]
- (ii) Nyatakan ciri-ciri yang ada pada Cik Aisyah. [3 markah]
- (iii) Terangkan masalah ekonomi yang dihadapi oleh Cik Aisyah. [5 markah]


- 4 Jelaskan konsep masalah asas ekonomi berikut:

- (i) apa yang hendak dikeluarkan [3 markah]
- (ii) berapa hendak dikeluarkan [3 markah]
- (iii) bagaimana hendak dikeluarkan [3 markah]

(iv) untuk siapa hendak dikeluarkan


[3 markah]

5 Rajah di bawah ini menunjukkan keluk kemungkinan pengeluaran.




- (a) Berdasarkan rajah di atas, jelaskan titik yang menggambarkan ketidakcekapan pengeluaran. [3 markah]
- (b) Hitung kos lepas jika kombinasi pengeluaran berubah dari titik B ke titik C. [2 markah]

6 Rajah menunjukkan keluk kemungkinan pengeluaran suatu firma.



- (a) Jika firma menukar kombinasi pengeluaran dari Q ke R, jelaskan implikasi pilihan tersebut. [2 markah]
- (b) Jelaskan kombinasi pengeluaran pada setiap titik. [2 markah]
- (c) Beri **dua** andaian untuk menganalisis keluk tersebut. [2 markah]

7 Rajah di berikut menunjukkan keluk kemungkinan pengeluaran suatu firma.





- (a) Berdasarkan gambar rajah di atas, terangkan kemungkinan bagi titik B. [3 markah]
- (b) Apakah yang mungkin berlaku jika firma mendapat bantuan subsidi kerajaan sebanyak RM50,000. [1 markah]

8 Perbualan berikut berkaitan dengan sistem ekonomi di dua buah negara.

Hasmah, sudah empat tahun kamu pindah ke luar negara, saya dengar di negara baharu kamu bukan sahaja bebas mengumpul kekayaan sendiri, malah semua kemudahan awam lain disediakan oleh kerajaan. Betulkah ?

Memang betul Azlina, kerajaan negara kamu pun juga sangat baik. Semua barang keperluan rakyat disediakan. Inilah kelebihan semua sumber dimiliki oleh kerajaan



- (i) Apakah sistem ekonomi yang diamalkan oleh negara Hasmah dan negara Azlina? [2 markah]
- (ii) Bezakan bagaimana sistem ekonomi negara Hasmah menyelesaikan masalah asas ekonomi berikut:
- (a) Berapa yang hendak dikeluarkan
- (b) Bagaimana hendak dikeluarkan

[4 markah]

9 Jelaskan **dua** kelebihan sistem ekonomi yang diamalkan oleh negara Azlina selain daripada yang terdapat dalam petikan. [4 markah]

10 (a) Jelaskan peranan kerajaan dalam sistem ekonomi campuran. [6 markah]

(b) Maklumat di bawah berkaitan dengan pemilikan satu sistem ekonomi.

Individu dan firma tidak mempunyai hak dalam pemilikan sumber ekonomi

- (i) Nyatakan sistem ekonomi di atas. [1 markah]
- (ii) Bandingkan antara sistem ekonomi di atas dengan sistem ekonomi negara Malaysia dalam aspek berapa yang hendak dikeluarkan dan bagaimana hendak dikeluarkan?

[4 markah]

11 Jadual berikut menunjukkan kombinasi pengeluaran barang X dan barang Y.


Pilihan kombinasi	Barang X	Barang Y
A	110	0
B	100	50
C	50	100
D	0	110

Hitung kos lepas untuk mengeluarkan:

(i) 100 unit barang X (2 markah)

(ii) 100 unit barang Y (2 markah)

12 Rajah menunjukkan keluk kemungkinan pengeluaran sebuah firma A.



Setujukah anda jika firma A berhasrat mengeluarkan barang pada kombinasi S?. Berikan alasan. [4 markah]

13 Maklumat berikut berkaitan dengan keinginan Ahmad membeli makanan di kantin sekolah.

Nasi Lemak Ayam	Mee Goreng
RM 4.00	RM 4.00

Bagaimana Ahmad menyelesaikan masalah tersebut jika Ahmad hanya mempunyai wang saku sebanyak RM6.00?

[5 markah]

14 Maklumat di bawah ini berkaitan dengan Syarikat Azam Maju Sdn. Bhd.

Syarikat Azam Maju Sdn. Bhd. Bercadang mengeluarkan topi dan kasut sukan. Namun begitu, Syarikat tersebut menghadapi masalah ekonomi.

Merujuk kepada konsep kekurangan dan pilihan, bagaimanakah keputusan tersebut dibuat? [5 markah]

- 15 Jelaskan **empat** peranan kerajaan dalam sistem ekonomi campuran. [4 markah]
- 16 Terangkan kelebihan sistem ekonomi pasaran bebas [5 markah]
- 17 Maklumat yang berikut berkaitan dengan ciri sistem ekonomi bagi dua buah negara.


Amerika Syarikat	Cuba
Semua keputusan ekonomi di buat oleh individu dan pihak swasta	Rakyat tidak bebas memilih barangan tetapi kebajikan mereka terjaga

Tentukan sistem ekonomi yang diamalkan di Amerika Syarikat dan Cuba. Berikan dua ciri lain selain yang dinyatakan di atas. [4 markah]

## **BAB 2: PASARAN**

Arahan: Isi maklumat pada ruang jawapan yang disediakan.

### **Faktor-faktor perubahan keluk Permintaan ke kanan**



### **Maksud Penawaran Pasaran**

---

---

---

### **Penentu Keanjalan Harga Permintaan (Ed)**


Penentu	Anjal	Tidak anjal
Jenis barangan		
Faktor jangka masa		
Bilangan barang pengganti		
Nisbah perbelanjaan pendapatan		
Bilangan kegunaan		
Ketagihan		
Ketahanan barang		

### **Penentu Keanjalan Harga Penawaran (Es)**

Penentu	Anjal	Tidak anjal
Tambahan kos		
Corak penggunaan faktor pengeluaran		
Faktor masa		
Bilangan firma dalam pasaran		
Mobiliti faktor pengeluaran		
Ketersediaan stok atau inventori		

## LATIHAN OBJEKTIF BAB 2: PASARAN

1. Pernyataan yang manakah betul tentang keluk permintaan?
  - A Hubungan antara harga dan kuantiti negatif
  - B Keluk permintaan mencerun ke atas dari kiri ke kanan
  - C Peningkatan harga menyebabkan permintaan meningkat
  - D Ditambah secara mendatar antara harga dengan kuantiti
  
2. Pernyataan yang manakah betul tentang permintaan berkesan?
  - A Keperluan yang tidak terbatas
  - B Kehendak yang mesti dipenuhi
  - C Kemahuan terhadap barang dan perkhidmatan
  - D Keinginan dan kemampuan untuk memiliki barang dan perkhidmatan
  
3. Rajah berikut menunjukkan keluk permintaan terhadap suatu barang.



Keluk menunjukkan

- A hubungan positif antara harga dengan kuantiti
  - B bentuk keluk mencerun ke bawah dari kiri ke kanan
  - C kejatuhan harga akan menyebabkan penurunan kuantiti diminta
  - D kenaikan harga akan menyebabkan peningkatan dalam keuntungan
4. Maklumat berikut adalah berkaitan dengan keluk permintaan.


Keluk permintaan mencerun ke bawah dari kiri ke kanan

Manakah yang berkaitan dengan pernyataan tersebut?

	Harga asal (RM)	Permintaan Asal (Unit)	Harga baru (RM)	Permintaan Baru (Unit)
<b>A</b>	10.00	60	20.00	100
<b>B</b>	10.00	90	20.00	60
<b>C</b>	20.00	140	30.00	200
<b>D</b>	20.00	150	20.00	160

5. Keluk permintaan individu mencerun
  - A ke atas dari kiri ke kanan
  - B ke atas dari kanan ke kiri
  - C ke bawah dari kiri ke kanan
  - D ke bawah dari kanan ke kiri


6 Rajah berikut menunjukkan keluk permintaan bagi suatu barang.



Apakah yang menyebabkan peralihan keluk dari  $D_0D_0$  ke  $D_1D_1$ ?

- A Harga barang itu meningkat
- B Kadar cukai pendapatan menurun
- C Harga barang pengganti menurun
- D Jangkaan harga akan meningkat pada masa depan

7 Rajah berikut menunjukkan keluk permintaan suatu barang.




Mengapakah berlakunya perubahan keluk dari  $D_0D_0$  ke  $D_1D_1$ ?

- A Harga barang itu meningkat
- B Jangkaan harga masa depan naik
- C Kadar cukai pendapatan bertambah
- D Harga barang penggenap meningkat

8 Pernyataan yang manakah betul menunjukkan keluk permintaan pasaran?

- A Mencerun ke atas dari kiri ke kanan
- B Hubungan songsang antara harga dengan kuantiti
- C Lebih curam berbanding keluk permintaan individu
- D Titik-titik disambung secara menegak antara kuantiti diminta


- 9 Rajah berikut menunjukkan keluk-keluk permintaan individu dan keluk permintaan pasaran suatu barang.



Berapakah kuantiti yang diminta oleh individu C jika  $D_P$  ialah keluk permintaan pasaran?

- A 10 unit
- B 15 unit
- C 20 unit
- D 30 unit

- 10 Rajah berikut menunjukkan keluk permintaan tiga individu dalam pasaran



Jadual yang manakah betul tentang permintaan pasaran bagi rajah tersebut?

**A**

Harga (RM)	Kuantiti (unit)
10	20
20	10
35	6

**B**

Harga (RM)	Kuantiti (unit)
10	16
20	10
35	7

**C**


Harga (RM)	Kuantiti (unit)
10	12
20	8
35	5

**D**

Harga (RM)	Kuantiti (unit)
10	12
20	10
35	1



11 Rajah berikut menunjukkan keluk permintaan terhadap kereta tempatan.







Perubahan titik *a* ke titik *b* ialah disebabkan oleh peningkatan

- A harga kereta import
- B harga kereta tempatan
- C pendapatan pengguna
- D cukai terhadap kereta tempatan


12 Situasi berikut berkaitan dengan satu penentu permintaan suatu barang dalam pasaran.

Kerajaan memberikan bantuan STR kepada golongan B40

Rajah yang manakah menunjukkan kesan perubahan tersebut




13 Rajah berikut menunjukkan perubahan permintaan suatu barang.



Jika  $D_0$  adalah permintaan asal, yang manakah betul tentang rajah tersebut?

- A Citarasa tidak menggalakkan menyebabkan pergerakan titik A ke titik B
  - B Pendapatan meningkat menyebabkan berlakunya pergerakan titik B ke titik E
  - C Harga barang penggenap jatuh menyebabkan berlakunya pergerakan titik B ke titik C
  - D Harga dijangka menurun pada masa depan menyebabkan berlakunya pergerakan titik B ke titik F
- 14 Pernyataan yang manakah betul menerangkan keluk penawaran pasaran?
- A Bentuk keluk adalah mencerun ke atas dari kiri ke kanan
  - B Diperoleh dengan menggabungkan semua titik keluk secara menegak
  - C Menunjukkan hubungan negatif antara harga dengan kuantiti yang ditawarkan
  - D Menunjukkan jumlah kuantiti diminta oleh semua individu pada setiap tingkat harga
- 15 Rajah berikut berkaitan dengan suatu barang.







Peningkatan kuantiti  $Q_0$  ke  $Q_1$  disebabkan oleh

- A harga dijangka naik pada masa hadapan
- B peningkatan pendapatan pengguna
- C teknologi pengeluaran meningkat
- D cukai dikenakan oleh kerajaan

16 Situasi berikut berkaitan dengan suatu penentu penawaran suatu barang.

Pemberian subsidi baja untuk petani

Rajah yang manakah menunjukkan kesan perubahan penawaran tersebut?



17 Jadual berikut menunjukkan permintaan bagi barang A

Harga (RM)	Kuantiti Permintaan (kg)	
	Individu A	Individu B
5	20	50
10	40	20
15	30	20

Apakah yang akan berlaku dalam pasaran pada tingkat harga RM10, jika kuantiti penawaran pasaran barang A ialah 100 kg?


- A Lebihan penawaran
- B Keseimbangan pasaran
- C Kuantiti permintaan lebih banyak
- D Kurangan penawaran berlaku

18 Jadual berikut menunjukkan kuantiti diminta dan kuantiti ditawarkan sesuatu barang.

Harga (RM)	Kuantiti diminta (unit)	Kuantiti ditawarkan (unit)
7	10	18
6	11	16
5	12	14
4	13	13
1	14	12


Pilih pernyataan yang betul tentang jadual tersebut.

- A Harga cenderung naik pada tingkat RM1
  - B Harga keseimbangan pasaran adalah pada RM5
  - C Lebihan permintaan sebanyak 5 unit pada tingkat harga RM6
  - D Kuantiti diminta melebihi kuantiti ditawarkan sebanyak 8 unit pada tingkat harga RM7
- 19 Pernyataan yang manakah betul tentang lebihan penawaran?
- A Kestabilan harga yang menunjukkan permintaan sama dengan penawaran
  - B Ketidakstabilan harga yang menunjukkan permintaan melebihi penawaran
  - C Ketidakstabilan harga yang menunjukkan penawaran melebihi permintaan
  - D Menunjukkan kestabilan dan ketidakstabilan harga tidak dapat ditentukan
- 20 Rajah berikut menunjukkan keseimbangan dalam pasaran barangan.



Apakah yang menyebabkan berlaku peralihan keluk permintaan tersebut?


- A Teknologi meningkat
  - B Pendapatan individu naik
  - C Harga barang itu meningkat
  - D Cukai pendapatan individu naik
- 21 Rajah berikut menunjukkan keseimbangan dalam pasaran barangan.



Pilih pernyataan yang betul menerangkan tentang rajah berikut.

- A Titik  $E_0$  merupakan titik keseimbangan asal
- B Apabila cukai pendapatan naik menyebabkan perubahan keluk  $D_0D_0$  ke  $D_1D_1$
- C Perubahan  $E_1$  ke  $E_0$  menyebabkan harga keseimbangan baharu dicapai pada  $P_1$
- D Pergerakan keluk  $D_0D_0$  ke  $D_1D_1$  menyebabkan kuantiti keseimbangan berubah daripada  $Q_1$  ke  $Q_0$


22 Rajah berikut menunjukkan keseimbangan dalam pasaran suatu barangan.



Apakah kesan kepada pasaran jika berlaku peralihan keluk penawaran tersebut?

- A Mewujudkan lebih permintaan sebanyak  $Q_0Q_1$
- B Harga keseimbangan baharu dicapai pada  $P_0$
- C Titik keseimbangan baharu adalah pada  $E_0$
- D Kuantiti meningkat daripada  $Q_0$  ke  $Q_1$

23 Rajah berikut menunjukkan keseimbangan dalam pasaran barangan



Pilih pernyataan yang betul berkenaan dengan rajah tersebut.

- A Pengeluaran bermatlamatkan maksimum jualan
- B Teknologi meningkat dalam pengeluaran
- C Harga faktor pengeluaran meningkat
- D Harga barang itu meningkat

24 Jadual berikut menunjukkan harga dan kuantiti diminta suatu barang di pasaran.


Harga (RM)	Kuantiti Diminta (unit)
3	20
6	10

Berapakah nilai keanjalan harga permintaan apabila harga berubah daripada RM3 ke RM6?

- A 0.50
- B 0.75

- C 1.00
- D 2.00

25 Rajah tersebut adalah keluk permintaan suatu barang.



Berapakah nilai pekali keanjalan barang tersebut?

- A 0.14
- B 0.60
- C 1.67
- D 7.50

26 Jadual berikut menunjukkan pekali keanjalan harga permintaan bagi emas dan garam.

Emas	Garam
1.6	0.5


Pilih pernyataan yang betul.

- A Peratus perubahan harga lebih kecil berbanding peratus perubahan kuantiti bagi emas
- B Jumlah hasil meningkat jika harga garam diturunkan
- C Pengguna sangat responsif terhadap harga garam
- D Nilai pekali keanjalan pakaian ialah tak anjal

27 Pekali keanjalan harga permintaan ialah 1.9  
Tafsirkan nilai itu

- A Harga turun 1.9%, kuantiti diminta meningkat lebih daripada 1%
- B Harga naik 1%, kuantiti diminta menurun lebih daripada 1.9%
- C Harga turun 1.9%, kuantiti diminta meningkat 1%
- D Harga naik 1%, kuantiti diminta menurun 1.9%


28 Rajah tersebut adalah keluk permintaan suatu barang.



Pilih pernyataan yang betul tentang rajah tersebut.

- A Contoh barang adalah beras
- B Nilai pekali keanjalan ialah 3
- C Pengguna kurang responsif terhadap harga
- D Jumlah hasil meningkat jika harga dinaikkan


29 Rajah tersebut adalah keluk permintaan suatu barang.



Pernyataan yang manakah betul tentang rajah berikut?

- A Nilai pekali keanjalan ialah 4
- B Contoh barang adalah barang kemas
- C Pengguna sangat responsif terhadap harga
- D Jumlah hasil meningkat jika harga dinaikkan


30 Rajah berikut berkaitan dengan keluk permintaan suatu barang.



Pernyataan yang manakah betul tentang keluk tersebut?


- A Peratus perubahan kuantiti lebih besar daripada peratus perubahan harga
- B Pengeluar menaikkan harga untuk menambahkan jumlah hasil
- C Pekali keanjalan adalah kurang daripada satu
- D Contoh barang ialah garam

31 Rajah berikut berkaitan dengan keluk permintaan suatu barang.



Pilih pernyataan yang betul tentang keluk berikut.

- A Peratus perubahan kuantiti lebih besar daripada peratus perubahan harga
  - B Pengeluar menurunkan harga untuk menambahkan jumlah hasil
  - C Pekali keanjalan adalah kurang daripada satu
  - D Contoh barang ialah pakaian
- 32 Sesuatu barang cenderung menjadi tak anjal harga permintaan jika barang itu
- A ialah barang kehendak
  - B banyak barang pengganti
  - C mempunyai banyak kegunaan
  - D perbelanjaan merupakan sebahagian kecil daripada pendapatan
- 33 Sesuatu barang itu cenderung menjadi anjal harga permintaan jika barang itu
- A tidak mempunyai banyak barang pengganti
  - B mempunyai jangka masa pendek
  - C barang tidak tahan lama
  - D ialah barang mewah
- 34 Rajah berikut menunjukkan keluk penawaran suatu barang.



Berapakah nilai keanjalan harga penawaran jika harga naik daripada RM30 kepada RM40?

- A 0.33
- B 0.66
- C 1.50
- D 5.45



- 35 Jadual berikut menunjukkan harga dan kuantiti ditawarkan suatu barang di pasaran.

Harga (RM)	Kuantiti Ditawar (unit)
5	20
10	60

Berapakah nilai keanjalan harga penawaran apabila harga berubah dari RM5 ke RM10?


- A 0.4  
 B 0.5  
 C 2.0  
 D 3.0
- 36 Jadual berikut menunjukkan peratus perubahan harga dan peratus perubahan kuantiti bagi penawaran **Barang X** dan **Barang Y**.

Barang	Peratus Perubahan Kuantiti	Peratus Perubahan Harga
X	10%	50%
Y	40%	20%

Padanan yang manakah betul tentang **Barang X** dan **Barang Y**?

	Barang X	Barang Y
A	Peratus perubahan kuantiti sama dengan peratus perubahan harga	Peratus perubahan kuantiti lebih besar daripada peratus perubahan harga
B	Pekali keanjalan lebih besar daripada 1	Pekali keanjalan kurang daripada 1
C	Keluk penawaran lebih landai	Keluk penawaran lebih curam
D	Merupakan barang pertanian	Merupakan barang perkilangan


- 37 Rajah berikut menunjukkan keluk penawaran suatu barang.



Pilih pernyataan yang betul tentang rajah di atas.

- A Nilai pekali keanjalan ialah 1.8  
 B Contoh barang adalah barang perkilangan  
 C Jika harga naik 1% kuantiti ditawarkan turun 1.67%  
 D Peratus perubahan harga lebih besar daripada peratus perubahan kuantiti

38 Rajah berikut menunjukkan keluk penawaran suatu barang.



Pernyataan yang manakah betul tentang rajah di atas?

- A Nilai pekali keanjalan ialah 2
- B Contoh barang adalah barang perkilangan
- C Jika harga naik 1% kuantiti ditawarkan turun 0.5%
- D Peratus perubahan harga lebih kecil daripada peratus perubahan kuantiti

39 Sesuatu barang itu cenderung menjadi anjal harga penawaran jika

- A Bilangan firma dalam pasaran adalah sedikit
- B faktor pengeluaran sukar diperolehi
- C mobiliti faktor pengeluaran tinggi
- D stok barang sedikit

Pilihan jawapan bagi **Soalan 40** hingga **Soalan 42** berdasarkan jadual berikut:

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Salah	Salah
D	Betul	Betul

40 I Keanjalan harga permintaan tak anjal apabila pekali keanjalan kurang daripada satu.  
II Barang yang mempunyai banyak barang pengganti permintaannya adalah tak anjal

41 I Keluk permintaan mencerun ke bawah dari kanan ke kiri  
II Keluk permintaan menunjukkan hubungan langsung antara harga dengan kuantiti ditawarkan

42 I Hukum permintaan menyatakan apabila harga meningkat, kuantiti diminta akan meningkat  
II Keluk permintaan yang mencerun ke atas dari kiri ke kanan menggambarkan hukum permintaan

### SOALAN ESEI

1. Jelaskan hukum permintaan. [2 markah]
2. Dengan bantuan jadual, jelaskan hukum permintaan [4 markah]
3. Dengan menggunakan jadual, jelaskan hukum penawaran. [4 markah]
4. Jadual berikut menunjukkan permintaan bagi barang X.

Harga (RM)	Kuantiti diminta (kg)		Permintaan Pasaran (kg)
	Nabila	Syahira	
5	100	400	(iii)
4	(i)	500	700
3	300	600	900
2	400	(ii)	1100
1	500	800	(iv)

(i) Lengkapkan jadual tersebut. [4 markah]

(ii) Lukis keluk permintaan Nabila. [4 markah]


5. Jadual menunjukkan peratus perubahan kuantiti diminta dan peratus perubahan penawaran bagi Barang R.

Barang R	Peratus perubahan harga (%)	Peratus perubahan kuantiti (%)
	25	15


(i) Hitungkan keanjalan harga penawaran bagi Barang R. [2 markah]

(ii) Jelaskan jenis keanjalan penawaran Barang R. [3 markah]

6. Rajah 1 dan 2 menunjukkan keluk-keluk permintaan bagi suatu barang.



Rajah 1



Rajah 2

(i) Bezakan rajah 1 dan 2 [6 markah]

(ii) Senaraikan penentu-penentu penawaran. [4 markah]

7. Jadual berikut menunjukkan permintaan dan penawaran pasaran ikan kembung pada pelbagai tingkat harga.

Harga (RM/kg)	Kuantiti permintaan (kg)	Kuantiti penawaran (kg)
5	100	20
10	80	50
15	60	60
20	40	80
25	20	110

(i) Kira keanjalan harga permintaan dan penawaran jika harga berubah dari RM10 ke RM20. [4 markah]


(ii) Lukis keseimbangan pasaran pada graf di bawah. [5 markah]

(iii) Berdasarkan soalan 2 (a)(ii), nyatakan harga dan kuantiti keseimbangan. [2 markah]

(iv) Jelaskan keadaan pasaran pada harga RM 10 dan RM 20 [6 markah]

8. Terangkan **tiga** faktor yang menyebabkan penawaran telefon pintar meningkat. [6 markah]

9. Rajah berikut menunjukkan keluk permintaan suatu barang.



Berdasarkan rajah di atas, terangkan pergerakan dari titik Y ketitik Z. [5 markah]

10. Jadual berikut menunjukkan peratus perubahan kuantiti ditawarkan dan peratus perubahan harga bagi telefon pintar dan buah jambu.

Jenis Barang	% Perubahan Harga	% Perubahan Kuantiti
Telefon Pintar	10	30
Buah Jambu	20	10

(i) Kira nilai keanjalan harga penawaran bagi telefon pintar dan buah jambu. [2 markah]

(ii) Tafsirkan nilai keanjalan harga penawaran yang anda peroleh bagi buah jambu.

11. Jelaskan perbezaan antara keperluan dan kehendak. [4 markah]

12. Jadual di bawah menunjukkan hubungan antara harga Barang X dengan kuantiti permintaan Barang Y.

Harga Barang X (RM)	Kuantiti Diminta Barang Y (unit)
3	9
6	18

Dengan memberikan contoh, jelaskan hubungan antara Barang X dan Barang Y. [5 markah]

13. Jadual menunjukkan penawaran terhadap kereta Bezza di Malaysia pada bulan Jun dan bulan Julai 2024.

Harga	Kuantiti (unit) Jun	Kuantiti (unt) Julai
RM 45 000	10 000	23 000

Jelaskan faktor peningkatan penawaran terhadap kereta Bezza di Malaysia. [4 markah]

14. Terangkan penentu-penentu keanjalan permintaan [5 markah]

15. Jadual di bawah menunjukkan permintaan dan penawaran bagi susu lembu.

Harga (RM)	Kuantiti Diminta (unit)	Kuantiti Ditawar (unit)
2.00	180	70
4.00	170	110
6.00	120	120
8.00	120	160
10.00	80	200

- (i) Nyatakan harga dan kuantiti keseimbangan [2 markah]  
(ii) Jelaskan keadaan pasaran susu lembu pada harga RM 8.00 [4 markah]

16. Pernyataan di bawah berkaitan dengan pasaran perabot di Malaysia.

Penurunan harga kayu sebanyak 20% memberi impak positif kepada industri perabot kayu.

Dengan menggunakan gambar rajah yang sesuai, jelaskan kesan peristiwa tersebut kepada industri perabot kayu. [5 markah]

17. Pernyataan di bawah berkaitan dengan suatu langkah kerajaan.

Mulai tahun taksiran 2017, kerajaan membenarkan pelepasan cukai sebanyak RM2500 untuk pembelian telefon pintar di bawah pelepasan cukai gaya hidup.

Dengan menggunakan gambar rajah, jelaskan kesan tindakan tersebut terhadap pasaran telefon pintar. [5 markah]

18. Maklumat berikut berkaitan satu situasi yang berlaku di dalam negara.

KUALA LUMPUR: Mulai 1 Ogos ini, pelitup muka wajib dipakai dalam pengangkutan awam dan di kawasan sesak atau tumpuan umum.

Jelaskan kesan situasi tersebut ke atas pasaran pelitup muka tempatan. [3 markah]

19. Terangkan penentu keanjalan harga penawaran bagi barang pertanian. [4 markah]

20. Pernyataan di bawah berkaitan dengan suatu langkah kerajaan

Awal tahun 2020, negara telah dijangkiti wabak covid 19, Sesi persekolahan secara PDPR telah dilaksanakan oleh kerajaan sebagai salah satu langkah untuk mengekang penyebaran wabak berkenaan.

Dengan menggunakan gambar rajah, jelaskan kesan tersebut terhadap pasaran telefon pintar [5 markah]

### **BAB 3: WANG & BANK PENDAPATAN INDIVIDU**

Arahan: Isi maklumat pada ruang jawapan yang disediakan.

#### Fungsi Bank Perdagangan

Perbezaan Ciri Akaun Tabungan, Akaun Simpanan tetap dan Akaun Semasa		
Akaun Simpanan	Akaun Simpanan Tetap	Akaun Semasa

<i>MENERIMA DAN MEMBUAT BAYARAN</i>	
ARAHAN KEPADA BANK	
Debit langsung	•
Pindahan kredit	•
Perintah sedia ada	•

Draf bank	•
Kad juruwang elektronik (kad ATM)	•
Kad Kredit	•

### JENIS-JENIS PENDAPATAN INDIVIDU


Jenis pendapatan	Huraian
Sewa	
Upah	
Faedah	
Untung	
Dividen	
Bayaran Pindahan	



## PERBEZAAN ANTARA KEPERLUAN DAN KEHENDAK

Keperluan	Kehendak

## Belanjawan Peribadi



## LATIHAN OBJEKTIF

1 Berikut adalah dialog antara Pak Man dengan jurujual di sebuah pasaraya.

Jurujual	: Semuanya RM250 pak cik.
Pak Man	: Pak cik tak ada tunai. Boleh tak pak cik guna kad debit?
Jurujual	: Boleh jer pak cik.
Pak Man	: Beli semua
Jurujual	: Jual yer pak cik. Terima kasih.
Pak Man	: Sama-sama

Apakah fungsi wang tersebut?

- A Alat ukuran nilai
- B Alat simpanan nilai
- C Alat bayaran tertunda
- D Alat perantaraan pertukaran

2 Padanan manakah yang betul tentang fungsi wang?

	Fungsi Wang	Situasi
<b>A</b>	Alat perantaraan pertukaran	Shuib membayar RM120 sebulan untuk komputernya.
<b>B</b>	Alat ukuran nilai	Syasya menggunakan kad kredit membeli sofa baru.
<b>C</b>	Alat simpanan nilai	Shakir memotong wang gajinya sebanyak RM300 sebulan ke dalam akaun Amanah Saham Nasional.
<b>D</b>	Alat bayaran tertunda	Syima menggunakan eWallet Touch n Go untuk jelaskan pembelian barang dalam aplikasi Tik Tok.


3 Logo di bawah menunjukkan sebuah institusi kewangan di Malaysia.



Pernyataan yang manakah benar tentang institusi kewangan tersebut?

- A Menjaga rizab tunai
- B Membayar hutang negara
- C Menawarkan pinjaman kepada perniagaan
- D Menyediakan akaun penjelasan antara bank

4 Rajah berikut menunjukkan dua jenis bank di Malaysia.




Apakah **M**?

- A Memberi pinjaman
- B Menerima deposit
- C Mengeluarkan mata wang
- D Mengurus pertukaran asing

5 Fungsi yang manakah menunjukkan bank pusat bertindak sebagai jurubank kepada kerajaan?

- A Mencetak mata wang
- B Mengurus pertukaran asing
- C Menyediakan rumah penjelasan
- D Menjadi sumber pinjaman terakhir

6 Rajah berikut menunjukkan dua jenis simpanan bank perdagangan.



Apakah **W**?

- A Mengeluarkan wang bila-bila masa
- B Mendapat kadar faedah yang tinggi
- C Menerima deposit daripada orang ramai
- D Menggunakan cek apabila melakukan pembayaran

7 Maklumat berikut sejenis pinjaman yang ditawarkan oleh bank perdagangan.

Peminjam boleh mengeluarkan wang melebihi baki simpanan dalam akaun banknya.

Apakah jenis pinjaman tersebut?

- A Pinjaman kenderaan
- B Pinjaman bercagar
- C Pinjaman peribadi
- D Pinjaman overdraf

8 Maklumat berikut berkaitan dengan kemudahan yang disediakan oleh bank perdagangan,

Setiap 27 hari bulan Cik Suriati membayar bil elektrik rumahnya.

Apakah perkhidmatan bank yang sesuai digunakan?

- A Draf bank
- B Debit langsung
- C Pindahan kredit
- D Perintah sedia ada

9 Pernyataan manakah yang **betul** tentang prinsip Bai Bithaman Ajil?

- A Pemegang amanah
- B Perkongsian untung
- C Jualan secara ansuran
- D Pindah milik harta sewa

10 Padanan manakah yang betul tentang maksud prinsip perbankan Islam?

	<u>Wadiah</u>	<u>Mudharabah</u>	<u>Bai Bithaman Ajil</u>	<u>Takjiri</u>
<b>A</b>	Pindah milik harta sewa	Jualan secara langsung	Pemegang amanah	Perkongsian untung
<b>B</b>	Jualan secara langsung	Pindah milik harta sewa	Perkongsian untung	Pemegang amanah
<b>C</b>	Pemegang amanah	Perkongsian untung	Jualan secara langsung	Pindah milik harta sewa
<b>D</b>	Perkongsian untung	Pemegang amanah	Pindah milik harta sewa	Jualan secara langsung

11 Antara berikut, yang manakah berkaitan dengan sektor ketiga?

- I Bina rumah kediaman
- II Memberi perkhidmatan
- III Dikenali sebagai sektor primer
- IV Contoh pekerjaan ialah penyanyi

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

12 Jadual berikut menunjukkan bilangan pekerjaan penduduk Kampung Permai.

<b>Pekerjaan</b>	<b>Bilangan (orang)</b>
Petani	120
Nelayan	60
Guru	10
Juruteknik kilang	10
Buruh binaan	80
Polis	20
Jumlah	300

Berapakah peratus penduduk yang terlibat dalam sektor kedua?

- A 10.0%
- B 30.0%
- C 60.0%
- D 90.0%

13 Maklumat berikut berkaitan dengan faktor pemilihan pekerjaan.

Cik Marina berkelulusan Diploma Perakaunan. Beliau mengambil keputusan untuk bekerja di kampungnya sebagai tukang jahit.

Antara berikut, yang manakah berkaitan faktor pemilihan kerjaya Cik Marina?

- I Kelayakan akademik
- II Waktu bekerja bebas
- III Dapat kepuasan bekerja
- IV Jaminan kerja yang tinggi

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

14 Faedah sampingan ialah

- A Jaminan kerja yang tinggi
- B Insentif yang diberikan oleh majikan
- C Tempat kerja yang selesa dan selamat
- D Komisen yang diberikan oleh pengurus

15 Jadual berikut menunjukkan upah wang bagi individu X dan tingkat harga bagi dua barang dalam pasaran.

Upah wang (RM)	Tingkat harga umum	
	Ikan kembung (Rm/kg)	Beras tempatan (Rm/Kg)
4 500	15.00	5.00

Berapakah upah benar?

- A 225
- B 300
- C 450
- D 525

16 Maklumat di bawah berkaitan dengan upah wang dan harga tiga barang di pasaran.

Upah Wang (RM)	Harga Barang X (RM)	Harga Barang Y (RM)	Harga Barang Z (RM)
5 000	5.00	10.00	15.00

Apakah kesan kepada isi rumah apabila harga purata barang berubah kepada RM15?

- A Perbelanjaan pengguna meningkat
- B Pendapatan boleh guna berkurang
- C Upah benar pengguna berkurang
- D Untung firma semakin meningkat

17 Antara berikut, yang manakah **betul** tentang caruman KWSP?

- I Wajib kepada semua pekerja di Malaysia
- II Caruman ahli digunakan untuk pelaburan
- III Menyediakan faedah persaraan kepada ahlinya
- IV Kadar caruman akan diturunkan apabila berlaku inflasi

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 18 Sewa diterima kerana
- A memberi hak penggunaan kepada orang lain.
  - B menyumbangkan tenaga fizikal dan mental.
  - C mengeluarkan barang dan perkhidmatan.
  - D mempunyai saham syarikat berhad.

- 19 Maklumat berikut berkaitan pendapatan individu.

Encik Iqbal bekerja sebagai kerani bank menerima gaji RM4 500 sebulan. Setiap malam, beliau menjual bugger dan menerima untung RM100. Beliau juga menerima bayaran sewa rumah sebanyak RM700 sebulan. Setiap bulan beliau membuat potongan zakat sebanyak RM150.

Berapakah jumlah pendapatan pada bulan September?

- A RM 5 300
- B RM 5 450
- C RM 8 200
- D RM 8 050

- 20 Jadual berikut menunjukkan pendapatan Encik Hasnan pada bulan Januari 2020.

Butiran	RM
Upah	2 000
Sewa diterima	300
Bantuan anak melanjutkan pelajaran ke IPT	1 000
Bantuan awal persekolahan	100
Pemberian anak	180

Berapakah pendapatan tidak produktif Puan Encik Hasnan pada bulan tersebut?

- A RM1 100
- B RM1 280
- C RM3 480
- D RM3 580

- 21 Jadual berikut menunjukkan pendapatan, potongan wajib dan perbelanjaan Puan Nana bagi tempoh satu bulan.

Butiran	RM
Gaji	5 500
KWSP	12%
Sewa rumah	500
Cukai pendapatan	120
Zakat	150

Berapakah jumlah pendapatan boleh guna Puan Nana?

- A RM 4 570
- B RM 4 070

C RM 5 070

D RM 5 770

- 22 Maklumat berikut berkaitan dengan perbelanjaan dan potongan wajib Puan Amy bagi tempoh satu bulan.

Butiran	RM
Zakat	150
KWSP	220
Insurans	60
Sewa rumah	400
Makanan	700
Cukai pendapatan	120

Berapakah jumlah potongan wajib Puan Amy?


A RM370

B RM490

C RM455

D RM465

- 23 Rajah berikut menunjukkan pendapatan boleh guna.



Manakah yang betul tentang **M** dan **N**?

	M	N
A	Caruman KWSP	Membayar zakat
B	Membayar sewa kereta	Membayar cukai pendapatan
C	Caruman Perkeso	Membeli kereta
D	Membayar bil elektrik dan air	Melunas pinjaman koperasi

- 24 Pernyataan yang manakah akan meningkatkan perbelanjaan isi rumah?

A Kenaikan caruman KWSP

B Pemberian bantuan awal persekolahan

C Kadar faedah atas pinjaman bertambah

D Peningkatan cukai barang dan perkhidmatan

- 25 Apakah akibat daripada perbelanjaan yang tidak dirancang?

I Tabungan di bank bertambah

II Perbelanjaan melebihi pendapatan

III Memaksimumkan kepuasan individu

IV Bebanan semakin hutang meningkat

A I dan II

B I dan III

C II dan IV

D III dan IV

- 26 Maklumat berikut berkaitan dengan satu kaedah pembayaran.

Encik Rizal membeli sebuah motorsikal secara ansuran.

Antara berikut, yang manakah merupakan kelebihan kaedah pembayaran tersebut?

- I Membeli secara berhemat
- II Menikmati harga yang lebih murah
- III Meringankan beban kewangan pembeli
- IV Menggalakkan pembeli merancang perbelanjaan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

27 Pernyataan manakah benar tentang fitur pembelian secara kredit.

- A Beban kewangan tanggungan pengguna
- B Baki jumlah bayaran yang perlu dijelaskan
- C Tingkat harga yang ditentukan oleh peniaga
- D Tempoh masa pembiayaan kewangan oleh bank

28 Pernyataan yang manakah betul tentang barang keperluan?

- A Sukar dipenuhi
- B Harga dikawal kerajaan
- C Untuk keselesaan hidup
- D Pilihan barang yang pelbagai

29 Maklumat berikut berkaitan dengan langkah penyediaan belanjawan peribadi.

Langkah 1 - Mengira pendapatan boleh guna  
Langkah 2 - **Z**  
Langkah 3 - Menyusun perbelanjaan mengikut keutamaan  
Langkah 4 - Mengimbangkan pendapatan boleh guna dengan perbelanjaan

Apakah **Z**?

- A Mencatat semua perbelanjaan
- B Menjumlahkan pelepasan cukai
- C Menyusun semua potongan wajib
- D Mengira jumlah tabungan yang ada

30 Gambar berikut menunjukkan sebuah iklan sebuah kenderaan.

Syarikat Speed menawarkan pembelian motorsikal secara kredit

Harga : RM 15 500

Kadar faedah : 3.2% setahun

Tempoh pembayaran: 9 tahun

Hubungi Finas : 019 9867753





Jika Encik Fuad membayar wang pendahuluan sebanyak 10%, berapakah ansuran bulanan dibayar?

- A RM160.40
- B RM179.40
- C RM184.90
- D RM165.90

31 Antara berikut, yang manakah merupakan strategi simpanan?

- I Pusat zakat
- II Unit amanah
- III Insuran nyawa
- IV Sekuriti pinjaman

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

32 Situasi manakah menunjukkan aktiviti pelaburan.

- A Puan Nina menjual gelang emas
- B Encik Abbas membeli rumah kediaman
- C Encik Hassan membeli sebuah kereta mewah
- D Puan Rokiah menyimpan wang dalam akaun semasa di bank PQX.

33 Pendapatan pelaburan saham berbentuk

- A sewa
- B faedah
- C untung
- D dividen

Pilihan jawapan bagi **Soalan 34** hingga **Soalan 40** berdasarkan jadual berikut:

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Salah	Salah
D	Betul	Betul

- 34
  - I Bank perdagangan menawarkan tiga jenis bentuk simpanan iaitu akaun tabungan, akaun simpanan tetap dan akaun semasa.
  - II Hanya pemegang akaun semasa sahaja boleh menggunakan perkhidmatan overdraf.
- 35
  - I Sektor kedua merupakan aktiviti menukar barang separuh siap menjadi barang siap.
  - II Sektor kedua dikenali juga sebagai sektor tertier.
- 36
  - I Bayaran pindahan merupakan pendapatan tidak produktif.
  - II Contoh bayaran pindahan ialah bonus daripada majikan.

- 37 I Potongan wajib akan meningkatkan pendapatan semasa pekerja.  
 II Contoh potongan wajib ialah zakat yang dikenakan kepada semua pekerja di Malaysia.
- 38 I Keperluan adalah sesuatu yang perlu dipenuhi terlebih dahulu.  
 II Contoh keperluan ialah pakej pelancongan.
- 39 I Inflasi ialah keadaan sedikit wang dan banyak barang dalam ekonomi.  
 II Inflasi akan menyebabkan kuasa beli individu menurun.
- 40 I Bayaran secara tunai lebih murah berbanding secara kredit.  
 II Salah satu cara bayaran secara tunai dengan menggunakan kad debit.

### LATIHAN ESEI

- 1 (a) Maklumat di bawah berkaitan dengan fungsi wang.



Jelaskan fungsi wang yang terdapat pada iklan promosi tersebut.

[6 markah]

- (b) Terangkan tiga fungsi bank pusat sebagai jurubank kepada kerajaan?

[6 markah]


- 2 (a) Terangkan bagaimana bank pusat mengawal kestabilan nilai mata wang?

[6 markah]

- (b) Bandingkan antara overdraf dengan pinjaman peribadi?

[6 markah]

- 3 Logo di bawah merujuk kepada sebuah institusi kewangan bank di Malaysia.



Huraikan **dua** perkhidmatan simpanan yang disediakan oleh bank tersebut. [6 markah]

4 **Hashimah telah memenangi Cabutan Sijil Simpanan Premium BSN sebanyak RM 1 juta.**

Jelaskan strategi simpanan lain yang boleh digunakan oleh Hashimah dengan wang yang dimenangnya untuk menggandakan wangnya? [4 markah]

5. Terangkan faktor yang boleh meningkatkan perbelanjaan pengguna. [6 markah]

6 Kemajuan teknologi dan perkembangan sistem perbankan pada masa ini telah banyak membantu isi rumah dalam pengurusan pembayaran. Berikan pendapat anda secara terperinci. [6 markah]

7. Pekerjaan di dalam sektor awam memberikan jaminan kerja yang tinggi. Berikan pendapat anda . [5 markah]

8. Jelaskan kepentingan belanjawan peribadi. [5 markah]

9. Terangkan dua filter ekonomi dalam pembelian kredit. [4 markah]

10. Huraikan sektor- sektor ekonomi dalam pekerjaan. [6 markah]

## BAB 4: PENGELUARAN

Arahan: Isi maklumat pada ruang jawapan yang disediakan.

Perbezaan:

INPUT TETAP	INPUT BERUBAH

### PRODUKTIVITI DAN EKSTERNALITI

Faktor yang mempengaruhi produktiviti

Faktor	Huraian
i) Tenaga Manusia	
ii) Sistem dan prosedur	
iii) Struktur organisasi	
iv) Gaya kepimpinan	
v) Persekitaran kerja	
vi) Bahan-bahan	

vii) Teknologi	
viii) Kelengkapan modal	

**Eksternaliti**

Maksud eksternaliti ialah

---



---



---



---

KOS SOSIAL / EKSTERNALITI NEGATIF	FAEDAH SOSIAL / EKSTERNALITI POSITIF.

## BAB 4: PENGELUARAN

- 1 Pernyataan manakah yang benar tentang konsep pengeluaran?
- A Pengeluaran jangka masa panjang adalah melebihi lima tahun
  - B Apabila jumlah keluaran mencapai maksimum keluaran purata menjadi sifar
  - C Fungsi pengeluaran menunjukkan bagaimana input digabungkan untuk menghasilkan output
  - D Keluaran sut merupakan perubahan dalam jumlah keluaran kesan daripada penggunaan satu unit input tetap
- 2 Antara berikut, yang manakah betul tentang pengeluaran?
- I Merupakan proses transformasi output kepada input
  - II Perbelanjaan firma dikenali sebagai kos pengeluaran
  - III Semakin tinggi kos, semakin kurang keuntungan firma
  - IV Objektif firma hanya mendapatkan keuntungan maksimum
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 3 Antara berikut, yang manakah betul tentang konsep pengeluaran jangka pendek?
- I Wujud sekurang-kurangnya satu input tetap
  - II Tambahan dalam input tetap akan meningkatkan output
  - III Output hanya dapat diubah dengan mengubah semua input
  - IV Pada keluaran sifar, hanya input tetap digunakan dalam pengeluaran
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 4 Gambar berikut menunjukkan bahan yang digunakan untuk membuat kek coklat bagi Perniagaan Kek Cukup Rasa.



- Antara berikut, pernyataan yang manakah betul tentang gambar tersebut?
- I Wujud walaupun tiada output
  - II Mempengaruhi keluaran marginal

- III Hanya wujud dalam jangka pendek
- IV Kuantiti berubah apabila output bertambah
- A I dan II
- B II dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

5 Pasangan yang manakah betul?

	Input Berubah	Input Tetap
A	Tidak berubah mengikut perubahan output	Berubah secara langsung dengan perubahan output.
B	Bayaran ke atas input ialah kos tetap	Bayaran ke atas input ialah kos berubah
C	Tidak wujud pada tingkat keluaran sifar	Wujud pada tingkat keluaran sifar
D	Contoh input ialah insuran kebakaran	Contoh input ialah Jurutera Binaan

6 Jadual berikut menunjukkan keluaran marginal dan penggunaan buruh bagi Firma Jelira.

Buruh (orang)	Keluaran Marginal (unit)
0	-
2	40
4	60
6	70
8	60

Berapakah keluaran purata bagi penggunaan 8 orang buruh?

- A 16.67 unit
  - B 16.25 unit
  - C 28.75 unit
  - D 38.33 unit
- 7 Jadual berikut menunjukkan pengeluaran bagi Firma XYZ.

Buruh (orang)	Keluaran Purata (unit)
2	40
4	50
6	60
8	80
10	100

Berapakah keluaran marginal apabila menggunakan buruh 8 orang?

- A 180
  - B 140
  - C 115
  - D 100
- 8 Apabila menggunakan 10 orang pekerja, firma menghasilkan 60 unit keluaran. Penambahan sebanyak 20% buruh telah meningkatkan jumlah keluaran sebanyak 25%.

Berapakah keluaran marginal akibat pertambahan buruh tersebut?

- A 0.10
- B 2.83
- C 3.00
- D 7.50

9 Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis kos pengeluaran.

- Kos perlu ditanggung walaupun keluaran sifar
- Perubahan dalam keluaran tidak mempengaruhi kos ini

Antara berikut, yang manakah berkaitan dengan kos tersebut?

- I Pembelian bahan mentah
- II Perbelanjaan upah buruh
- III Pembiayaan jentera dan mesin
- IV Pembayaran premium insurans

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

10 Jadual berikut menunjukkan hubungan antara output dengan kos berubah.

Output (unit)	Kos Berubah (RM)
150	2 000
250	5 000

Jika kos tetap adalah RM1000, berapakah kos purata pada tingkat keluaran 250 kg?

- A RM20.00
- B RM24.00
- C RM28.00
- D RM40.00

11 Jadual berikut berkaitan output dan kos pengeluaran bagi sebuah firma.

Output (unit)	Kos Tetap (RM)	Jumlah Kos (RM)
0	1500	1500
1000	1500	2000
2000	1500	2500
3000	1500	3000

Antara berikut, yang manakah benar berkaitan firma tersebut?

- I Kos tetap berubah secara langsung dengan tingkat output
- II Walaupun output sifar, firma masih menanggung kos
- III Firma beroperasi dalam jangka masa pendek
- IV Pada output sifar, tiada penggunaan input

- A I dan II
- B II dan III
- C II dan IV
- D III dan IV



12 Jadual berikut menunjukkan tingkat keluaran dengan jumlah kos bagi Firma Sweet.

Jumlah Keluaran (unit)	Jumlah Kos (RM)
0	200
500	400
1000	650
1500	950
2000	1200

Berapakah kos berubah pada tingkat keluaran 1500 unit?

- A RM300
- B RM250
- C RM500
- D RM750

13 Maklumat berikut menunjukkan kos pengeluaran bagi firma X.

Kos Perbelanjaan	Jumlah (RM)
Bahan mentah	3 000
Bil utiliti	2 200
Sewa kilang	3 500
Upah pekerja	3 000
Premium insuran	1 800

Berapakah kos tetap firma tersebut?

- A RM2 900
- B RM5 300
- C RM5 700
- D RM8 200

14 Jadual berikut berkaitan dengan pengeluaran suatu barang.

Jumlah Keluaran (unit)	Kos Purata (RM)
200	25
400	20

Jika kos tetap ialah RM1 000, berapakah kos berubah pada tingkat keluaran 400 unit?

- A RM3 000
- B RM5 000
- C RM7 000
- D RM8 000

15 Jadual berikut menunjukkan kos yang ditanggung oleh Firma Quqies.

Jumlah output (unit)	Kos tetap (RM)	Kos berubah (RM)
50	100	100
100	100	200
150	100	350
200	100	550

Berapakah kos marginal pada jumlah output 200 unit?

- A 2.25
- B 3.00

- C 3.25
- D 4.00

16 Maklumat berikut berkaitan kos pengeluaran suatu barang.

Kos berubah	=	RM250
Kos tetap	=	RM120
Kos purata	=	RM 5

Berapakah jumlah output?

- A 50 unit
- B 74 unit
- C 370 unit
- D 375 unit

17 Maklumat berikut berkaitan dengan pengeluaran barang S bagi Syarikat Byond Sdn. Bhd.

- Output : 5 000
- Harga seunit : RM20
- Kos purata : RM15

Berapakah untung firma tersebut?

- A RM25 000
- B RM75 000
- C RM100 000
- D RM175 000

18 Maklumat berikut berkaitan rumus untung.

$$\text{Untung} = (\mathbf{Y} \times \text{kuantiti}) - \mathbf{Z}$$

Y dan Z ialah

- A harga dan jumlah kos
- B harga dan kos berubah
- C jumlah hasil dan kos tetap
- D jumlah hasil dan kos marginal

19 Rumus berikut berkaitan keuntungan.

$$\text{Untung ekonomi} = \text{Jumlah Hasil} - (\text{Kos eksplisit} + \mathbf{X})$$

Kos yang manakah betul tentang X?

- A Kos upah pekerja
- B Sewaan mesin kilang
- C Bayaran pengangkutan
- D Penggunaan tanah sendiri

20 Pernyataan yang manakah benar tentang tahap pengeluaran?

- A Berlaku peningkatan pengeluaran pada kadar yang perlahan pada tahap II
- B Tambahan input berubah ke atas input tetap paling baik pada tahap III
- C Keluaran purata semakin meningkat pada semua tahap pengeluaran
- D Pengeluaran yang paling cekap pada tahap I

21 Jadual berikut menunjukkan fungsi pengeluaran jangka pendek sebuah firma X.

Input Tetap (unit)	Input Berubah (unit)	Jumlah Keluaran (unit)	Keluaran Purata (unit)	Keluaran Sut (unit)
2	0	0	-	-
2	1	6	6	6
2	2	14	7	8
2	3	24	8	10
2	4	32	8	8
2	5	37	7.4	5
2	6	41	6.83	4
2	7	44	6.28	3
2	8	46	5.75	2
2	9	46	5.1	0
2	10	45	4.5	-1

Tahap pengeluaran paling cekap adalah dari

- A input berubah 1 hingga 3
- B input berubah 1 hingga 9
- C input berubah 4 hingga 9
- D input berubah 4 hingga 10

22 Antara berikut, yang manakah benar tentang tahap pengeluaran paling cekap?

- I Berlaku pada tahap II pengeluaran
  - II Keluaran purata semakin meningkat
  - III Gabungan yang paling cekap antara input berubah dan input tetap
  - IV Jumlah keluaran firma meningkat dengan banyak apabila penggunaan input bertambah
- A I dan II
  - B I dan III
  - C II dan IV
  - D III dan IV

23 Maklumat berikut berkaitan tingkat output dan jumlah buruh yang digunakan oleh empat buah firma bagi pengeluaran barang X.

Firma P
Output = 1 000 unit Buruh = 40 orang

Firma Q
Output = 1 200 unit Buruh = 50 orang

Firma R
Output = 1 600 unit Buruh = 80 orang

Firma S
Output = 2 200 unit Buruh = 100 orang

Firma yang manakah paling tinggi produktiviti?

- A Firma P
- B Firma Q
- C Firma R
- D Firma S

24 Antara berikut, yang manakah faktor mempengaruhi produktiviti?

- I Penggunaan bahan yang berkualiti
- II Tenaga kerja yang berkemahiran

- III Kos pengeluaran yang minimum
- IV Bayaran upah yang tinggi

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

25 Produktiviti berlaku apabila firma berupaya meningkatkan keluaran dengan cara

- A memanjangkan tempoh pengeluaran
- B menggunakan teknologi canggih
- C menambahkan kos pengeluaran
- D menggunakan buruh sedia ada

26 Antara berikut, yang manakah menerangkan tentang eksternaliti?

- I Kos yang ditanggung oleh pengeluar
- II Kesan yang diterima oleh pihak ketiga
- III Kos yang terlibat dalam penggunaan barangan
- IV Kesan yang tidak dimasukkan dalam harga pasaran

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

27 Eksternaliti negatif merujuk

- A tindakan firma untuk mengurangkan penggunaan sumber ekonomi.
- B kesan luaran yang dihadapi oleh pihak ketiga daripada aktiviti ekonomi.
- C tindakan kerajaan ke atas aktiviti pengeluaran yang menjejaskan alam sekitar.
- D kesan luaran yang dihadapi oleh pengguna apabila menggunakan sesuatu barang atau perkhidmatan.

28 Maklumat berikut berkaitan dengan pengeluaran Syarikat Juruss Sdn Bhd.

Syarikat Juruss Sdn Bhd mengeluarkan 8 600 pasang kasut dan menjualnya dengan harga RM28 sepasang. Kos pengeluaran syarikat ialah:

Kos bahan mentah	RM58 200
Upah buruh	RM32 000
Sewa bangunan	RM12 500
Bil elektrik,air dan telefon	RM10 200

Berapakah jumlah keuntungan pada bulan tersebut?

- A RM112 900
- B RM113 760
- C RM127 900
- D RM240 800

29 Pernyataan berikut berkaitan dengan eksternaliti.

Kerajaan meningkatkan gaji kaki tangan awam

Berdasarkan pernyataan di atas, apakah kos sosial yang wujud kesan daripada situasi tersebut?

- A Harga barangan naik
- B Tabungan pengguna meningkat
- C Kuasa beli pengguna bertambah
- D Pendapatan penjawat awam meningkat

30 Situasi yang manakah merujuk kepada faedah sosial?

- A Hasil cukai kerajaan bertambah ekoran peningkatan jumlah eksport negara.
- B Nelayan ikan air tawar di Kg Mesraku mengalami kerugian kesan daripada pencemaran sungai.
- C Syarikat Tip Top Sdn Bhd mendapat untung yang banyak disebabkan permintaan yang tinggi oleh pengguna.
- D Penduduk Kg Indah dapat membeli barang keperluan dengan mudah ekoran wujud pasar tani di kampung mereka.

Pilihan jawapan bagi **Soalan 31** hingga **Soalan 40** berdasarkan jadual berikut:

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
<b>A</b>	Betul	Salah
<b>B</b>	Salah	Betul
<b>C</b>	Salah	Salah
<b>D</b>	Betul	Betul

- 31 I Terdapat dua jenis firma iaitu firma awam dan firma swasta.  
II Contoh firma awam ialah Syarikat Penerbangan Malaysia.
- 32 I Pengeluaran adalah suatu proses transformasi input kepada output.  
II Input pengeluaran terdiri daripada input tetap dan input berubah.
- 33 I Dalam pengeluaran jangka pendek, input tetap akan berubah secara langsung dengan tingkat keluaran.  
II Input tetap tetap wujud dalam jangka masa panjang dan pendek
- 34 I Jumlah kos terdiri daripada kos tetap dengan kos purata.  
II Contoh kos tetap ialah bayaran upah pekerja.
- 35 I Untung adalah pulangan kepada buruh.  
II Untung diperoleh apabila jumlah kos melebihi jumlah hasil.
- 36 I Hasil ialah pembayaran yang dilakukan oleh firma.  
II Jika jumlah hasil kurang daripada jumlah kos, firma akan mendapat keuntungan.
- 37 I Kos eksplisit merupakan kos yang sepatutnya dibayar kepada faktor pengeluaran tetapi tidak diambil kira dalam kos pengeluaran.  
II Contoh kos eksplisit ialah bayaran upah pekerja.

- 38 I Hukum pulangan berkurangan berlaku pada tahap II pengeluaran.  
 II Hukum pulangan berkurangan menunjukkan peningkatan jumlah keluaran pada kadar yang tinggi.
- 39 I Produktiviti ialah keupayaan untuk meningkatkan penghasilan output daripada sejumlah input yang digunakan.  
 II Peningkatan produktiviti akan menggambarkan tingkat pertumbuhan ekonomi sesebuah negara.
- 40 I Kos sosial merupakan eksternaliti negatif yang ditanggung oleh pihak kedua.  
 II Contoh kos sosial ialah kesesakan lalu lintas ekoran pembinaan pasaraya.

### LATIHAN ESEI

1

Jadual berikut merupakan kos-kos pengeluaran jangka pendek bagi sebuah firma.

Keluaran/Output (unit)	Jumlah Kos (RM)	Kos Purata (RM)	Kos Marginal (RM)
0	100	-	-
1	150	150	50
2	190	95	Y
3	210	70	20
4	240	X	30
5	310	62	70
6	420	70	110

- (a) Berapakah nilai **X** dan **Y**. [2markah]
- (b) Berdasarkan jadual di atas jelaskan hubungan antara keluaran dengan kos purata dan kos marginal.

(i) Output 0 hingga 3 unit [2markah]

(ii) Output 4 hingga 6 unit [2markah]

- 2 Jelaskan perbezaan antara pengeluaran jangka masa pendek dan pengeluaran jangka masa panjang. [5markah]

- 3 Maklumat di bawah berkaitan dengan sebuah firma.

Kilang Azim menghasilkan kasut sebanyak 80 pasang. Jumlah kos yang ditanggung ialah RM560. Apabila firma menambah output menjadi 100 pasang, kos pengeluaran meningkat sebanyak 25%.

Hitungkan kos marginal bagi output ke 100. [4 markah]

- 4 Syarikat Habib mengeluarkan 8250 unit keluaran dan menjualnya pada harga RM8.00. Berikut adalah kos-kos yang terlibat dalam pengeluaran syarikat ini.

Kos bahan mentah	RM30 000
Kos upah buruh	RM16 800
Sewa bangunan kilang	RM6 600
Kos bahan api	RM2 400

Berdasarkan maklumat, hitungkan jumlah keuntungan Syarikat Habib.

[4 markah]

- 5 Maklumat di bawah menunjukkan hasil dan kos sebuah firma.

Syarikat ABD Sdn. Bhd. mengeluarkan 300 unit ketuhar elektrik yang dijual dengan harga RM130.00 seunit. Kos pengeluaran yang digunakan ialah bahan mentah RM12,000.00, upah pekerja RM3,000.00, sewa kilang RM1,500.00 dan bil utiliti RM2,000.00

Hitung jumlah untung yang diperolehi.

[2markah]

- 6 Jelaskan hukum pulangan berkurangan dalam pengeluaran.

[4markah]

- 7 Maklumat di bawah berkaitan dengan eksternaliti negatif.

Matlamat firma untuk memaksimumkan keuntungan melalui aktiviti pengeluaran barang dan perkhidmatan mungkin menjejaskan kebajikan masyarakat dengan mengeksploitasi pengguna.

Terangkan peranan kerajaan dalam mengawal selia pengeluar daripada eksploitasi pengguna.

[4markah]

- 8 Maklumat di bawah berkaitan dengan projek pembangunan kerajaan.

Projek ECRL disambung dengan Kos RM44 Bilion

PUTRAJAYA - Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) sejauh 688 kilometer yang menghubungkan Pelabuhan Klang di Selangor ke Kelantan akan disambung semula pada kos yang lebih rendah.

Kos pembinaan Fasa 1 dan 2 ECRL kini dikurangkan kepada RM44 bilion, pengurangan sebanyak RM21.5 bilion daripada kos asalnya RM65.5 bilion.

Projek ECRL dimulakan oleh kerajaan Barisan Nasional sebelum ini dan digantung tahun lepas oleh kerajaan Pakatan Harapan yang baru dipilih berikutan kosnya yang tinggi selain memberi impak kepada hidupan liar.

Jelaskan kos sosial yang wujud akibat pelaksanaan aktiviti pembinaan ECRL ini. [6markah]

- 9 Jadual di bawah menunjukkan fungsi pengeluaran sebuah firma yang mengeluarkan minuman ringan.

Input tetap (unit)	Input berubah (unit)	Jumlah keluaran (unit)	Keluaran purata (unit)	Keluaran sut (unit)
2	0	0	-	-
2	1	1	1	1
2	2	<b>P</b>	2	3
2	3	11	3.67	7
2	4	17	<b>Q</b>	6
2	5	20	<b>R</b>	<b>S</b>
2	6	20	3.33	0
2	7	16	2.29	<b>T</b>

- (a) Apakah jenis jangka masa pengeluaran firma tersebut? Berikan alasan anda. [2markah]
- (b) Tentukan nilai P, Q, R, S dan T. [5markah]
- (c) Tingkat input berubah manakah yang paling cekap? Berikan alasan anda [2markah]



**BAB 5 EKONOMI DAN KERAJAAN**  
**PERANAN KERAJAAN DALAM EKONOMI**

Arahan: Isi maklumat pada ruang jawapan yang disediakan.

**Peranan Kerajaan sebagai Pengeluar**

Barang Awam

Ciri:

---

---

---

---

Barang Sosial

Ciri:

---

---

---

---

**Ciri Monopoli Semula Jadi Kerajaan**

Ciri-ciri:

- i) \_\_\_\_\_
- ii) \_\_\_\_\_
- iii) \_\_\_\_\_
- iv) \_\_\_\_\_

**Peranan Kerajaan Untuk Mencapai Objektif Makroekonomi Negara**

**1. Guna Tenaga Penuh**

---

---

---

---

---

---


---

---

**2. Kestabilan Harga**


- Ketidakstabilan harga boleh \_\_\_\_\_ masyarakat
- Apabila **harga meningkat** secara berterusan- \_\_\_\_\_
- Jika **harga turun** berterusan- \_\_\_\_\_

- Kesan Inflasi dan deflasi:-



## INFLASI

### ❖ Jenis Inflasi



### ❖ Kesan Inflasi


Kesan Terhadap Harga Barang

- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_

<u>Kesan Terhadap Pendapatan</u>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• _____</li> <li>• _____</li> <li>• _____</li> <li>• _____</li> </ul>
<u>Kesan Terhadap Pengangguran</u>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• _____</li> <li>• _____</li> <li>• _____</li> <li>• _____</li> <li>• _____</li> </ul>

**PENGANGGURAN**

i) **Kesan pengangguran terhadap Masalah Sosial Negara**



**SEBAB PERTUMBUHAN EKONOMI**

<p>SUMBER ALAM SEMULA JADI</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• _____</li> <li>• _____</li> <li>• _____</li> </ul>	<p>JUMLAH PENDUDUK DAN BEKALAN TENAGA</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• _____</li> <li>• _____</li> <li>• _____</li> </ul>
--	---

<b>KEMAJUAN TEKNOLOGI</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• _____</li> <li>• _____</li> <li>• _____</li> </ul>	<b>PELABURAN DALAM AKTIVITI EKONOMI</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• _____</li> <li>• _____</li> <li>• _____</li> </ul>
--	--

**Perbelanjaan Kerajaan**

Perbezaan antara perbelanjaan mengurus dan pembangunan:

Perbelanjaan mengurus	Perbelanjaan pembangunan

**a) Belanjawan Negara**

BELANJAWAN LEBIHAN	BELANJAWAN DEFISIT
Atasi:	Atasi:
➤ <u>kadar cukai</u> <ul style="list-style-type: none"> <li>• _____</li> <li>• _____</li> <li>• _____</li> <li>• _____</li> <li>• _____</li> </ul>	➤ <u>kadar cukai</u> <ul style="list-style-type: none"> <li>• _____</li> <li>• _____</li> <li>• _____</li> <li>• _____</li> <li>• _____</li> </ul>
➤ <u>perbelanjaan Kerajaan</u> <ul style="list-style-type: none"> <li>• _____</li> <li>• _____</li> <li>• _____</li> <li>• _____</li> <li>• _____</li> </ul>	➤ <u>perbelanjaan Kerajaan</u> <ul style="list-style-type: none"> <li>• _____</li> <li>• _____</li> <li>• _____</li> <li>• _____</li> <li>• _____</li> </ul>

- 1 Barang sosial ialah barang dan perkhidmatan yang
  - A penawarannya ada dimana-mana tanpa had
  - B tidak tertakluk kepada prinsip pengecualian
  - C membawa manfaat terbesar kepada semua Masyarakat
  - D kos pengeluarannya ditanggung sepenuhnya oleh pembayar cukai
- 2 Gambar berikut menunjukkan perkhidmatan yang disediakan oleh kerajaan.



Apakah matlamat utama kerajaan menyediakan perkhidmatan tersebut?

- A Memonopoli pasaran
  - B Menjana hasil kerajaan
  - C Memperoleh keuntungan jualan
  - D Menjaga kebajikan masyarakat
- 3 Pernyataan yang manakah betul menggambarkan barang awam yang disediakan oleh kerajaan.
  - A Cik Suhaiza membeli sebuah komputer berharga RM6000
  - B Puan Zuliana menggunakan air mineral untuk memasak gulai ayam
  - C Encik Mursyid dimasukkan ke Hospital Dungun kerana dijangkiti penyakit COVID 19
  - D Tandas di Kelab HYPER hanya disediakan untuk ahli yang membayar yuran keahlian
- 4 Pernyataan yang manakah betul tentang peranan kerajaan sebagai majikan?
  - A Mengawal kesan luaran daripada aktiviti pengeluaran
  - B Menyediakan peluang pekerjaan di sektor awam
  - C Membekalkan barang ekonomi kepada rakyat
  - D Menstabilkan harga barangan di pasaran
- 5 Gambar berikut berkaitan dengan monopoli semulajadi



Ciri yang manakah bertepatan dengan gambar diatas

- A Berkuasa untuk menentukan harga
- B Persaingan bukan harga amat penting
- C Kebebasan firma untuk masuk dan keluar pasaran
- D Hanya sebuah firma sahaja yang mengeluarkan barang atau perkhidmatan tertentu

- 6 Maklumat berikut merupakan bantuan yang disalurkan oleh kerajaan.



Apakah kesan daripada bantuan tersebut ialah

- I meningkatkan perbelanjaan kerajaan
  - II menyebabkan individu malas bekerja
  - III dapat membeli barang-barang keperluan
  - IV meringankan beban kewangan masyarakat
- A I dan II  
B I dan III  
C II dan IV  
D III dan IV
- 7 Pernyataan yang manakah betul tentang peranan kerajaan dalam mengawal selia pengeluar?
- A Kerajaan memberi subsidi kepada pengguna untuk menstabilkan harga barang dan mengurangkan kos pengeluaran
  - B Dasar harga maksimum merupakan dasar penetapan harga yang lebih tinggi daripada harga keseimbangan
  - C Pengenaan cukai menyebabkan firma lebih prihatin terhadap alam sekitar
  - D Kuota menyebabkan persaingan sihat antara firma
- 8 Pernyataan yang manakah betul tentang peranan kerajaan sebagai pengeluar?
- A Menstabilkan harga barangan di pasaran
  - B Membekalkan barang awam kepada rakyat
  - C Menyediakan peluang pekerjaan di sektor awam
  - D Mengawal kesan luaran daripada aktiviti pengeluaran
- 9 Antara berikut, yang manakah **betul** tentang peranan kerajaan dalam ekonomi?
- I Mengawal selia pengeluar
  - II Mencapai guna tenaga penuh
  - III Menetapkan harga dan kuantiti keseimbangan
  - IV Mengeluarkan barang ekonomi dan barang awam
- A I dan II  
B I dan III  
C II dan IV  
D III dan IV
- 10 Antara berikut, yang manakah tindakan kerajaan dalam mengawal eksploitasi pengguna melalui undang-undang dan peraturan?
- I Menaikkan peruntukan subsidi
  - II Menetapkan harga barang kawalan
  - III menguatkuasakan Akta Pencatutan
  - IV Meningkatkan kadar cukai terhadap barang tertentu

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

11 Kerajaan mengawal kesan luaran negatif dengan

- A mengenakan kawalan harga keluaran firma
- B menggubal akta dan undang-undang
- C menggunakan dasar kewangan
- D melaksanakan dasar fiskal

12 Pernyataan yang manakah betul tentang objektif makroekonomi negara?

- A Imbangan pembayaran merekodkan aliran wang masuk perdagangan antarabangsa dalam tempoh satu tahun.
- B Pengangguran mengukur jumlah tenaga buruh yang terlibat dalam sebarang kegiatan ekonomi.
- C Pertumbuhan ekonomi dapat meningkatkan taraf hidup masyarakat.
- D Ketidakstabilan harga menjamin kestabilan kuasa beli masyarakat.

13 Pernyataan manakah betul tentang inflasi?

- A Inflasi tolakan kos berlaku pada tingkat guna tenaga penuh
- B Inflasi sederhana berlaku meningkatkan pertumbuhan ekonomi
- C Inflasi tarikan permintaan disebabkan oleh penurunan nilai mata wang
- D Inflasi melampau menyebabkan pendapatan benar isi rumah meningkat

14 Apakah kesan positif inflasi sederhana terhadap masyarakat dan negara?

- A Imbangan pembayaran positif
- B Tabungan akan meningkat
- C Guna tenaga meningkat
- D Tingkat harga naik

15 Pengangguran geseran berlaku disebabkan oleh

- A individu sedang mencari pekerjaan yang dikehendakinya
- B telah berlaku perubahan struktur ekonomi negara
- C kekurangan mobility dari segi kelayakan
- D firma mengecilkan skala pengeluaran

16 Maklumat berikut berkaitan dengan satu keadaan ekonomi.

KDNK negara dijangka meningkat sebanyak 5.7% pada tahun 2023

Faktor manakah mungkin menyebabkan keadaan di atas?

- A Penurunan dalam jumlah eksport
- B Penurunan kadar pengangguran
- C Penurunan dalam kadar inflasi
- D Penurunan dalam produktiviti

17 Gambar berikut berkaitan dengan suatu situasi ekonomi yang dihadapi dalam negara.



Antara berikut, dasar kewangan yang manakah akan digunakan oleh kerajaan bagi mengurangkan masalah tersebut?

- I Menaikkan kadar rizab tunai.
- II Menurunkan perbelanjaan negara.
- III Melonggarkan syarat sewa beli bank.
- IV Membeli surat jaminan dalam pasaran.

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

18 Maklumat berikut berkaitan dengan satu keadaan ekonomi.

**S** berlaku kerana terlalu banyak wang mengejar sedikit barang dalam ekonomi

Antara berikut, tindakan yang manakah dapat mengatasi keadaan tersebut?

- I Menurunkan kadar cukai
- II Melonggarkan syarat sewa beli
- III Memendekkan tempoh bayaran balik
- IV Mengurangkan jumlah perbelanjaan kerajaan

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

19 Antara yang berikut, pernyataan yang manakah betul kesan pelaksanaan dasar mengembang oleh Bank Negara terhadap ekonomi?

- I Melaksanakan projek mega
- II Pertambahan kos sara hidup
- III Peningkatan permintaan agregat
- IV Memperkenalkan cukai baharu dalam ekonomi

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV




20 Pernyataan manakah betul tentang dasar kewangan menguncup?

- A Boleh dilakukan melalui pembelian surat jaminan kerajaan
- B Dilaksanakan untuk mengatasi masalah inflasi dalam negara
- C Bertujuan menambahkan bekalan wang di pasaran
- D Berupaya meningkatkan kuasa beli pengguna

21 Pasangan yang manakah betul tentang dasar fiskal untuk mengawal inflasi?

	Tindakan	Keterangan
A	Menaikkan perbelanjaan kerajaan	Meningkatkan projek pembangunan
B	Meningkatkan cukai	Menaikkan cukai pendapatan
C	Menaikkan perbelanjaan kerajaan	Meningkatkan permintaan agregat
D	Meningkatkan cukai	Menaikkan kuasa beli

22 Maklumat berikut berkaitan dengan ketidakstabilan ekonomi



Apakah Tindakan yang sesuai di ambil oleh kerajaan untuk mengawal keadaan tersebut?

	Dasar Fiskal	Kadar Cukai	Perbelanjaan Kerajaan
A	Mengembang	Naik	Turun
B	Menguncup	Turun	Naik
C	Mengembang	Turun	Naik
D	Menguncup	Naik	Turun

23 Pernyataan manakah yang menerangkan konsep pertumbuhan ekonomi?

- A Pertumbuhan ekonomi ialah satu penunjuk ekonomi yang menggambarkan pendapatan negara
- B Pertumbuhan ekonomi menunjukkan peningkatan KDNK benar
- C Pertumbuhan ekonomi merujuk kepada kenaikan harga
- D Pertumbuhan ekonomi bersifat kuantitatif

24 Maklumat berikut menunjukkan sebahagian hasil cukai kerajaan bagi tempoh satu tahun.

Jenis cukai	Jumlah (RM Juta)
Cukai keuntungan syarikat	23 990
Cukai pendapatan perseorangan	7 984
Cukai pendapatan petroleum	8 460
Cukai jualan	7 965
Duti eksport	1 156
Duti import	3 919
Duti eksais	5 031

Berapakah jumlah hasil kerajaan daripada sumber hasil cukai tak langsung?

- A RM 10 100 juta
  - B RM 18 071 juta
  - C RM 40 434 juta
  - D RM 48 398 juta
- 25 Tindakan bank pusat yang manakah dapat mengurangkan kuasa beli Masyarakat?
- A Memanjangkan tempoh bayaran balik pinjaman
  - B Menaikkan kadar faedah pinjaman
  - C Menurunkan kadar rizad berkanun
  - D Membeli surat jaminan kerajaan
- 26 Inflasi tarikan permintaan berlaku disebabkan oleh
- A kos import barang yang tinggi
  - B peningkatan harga barang mentah
  - C nilai mata wang tempatan lebih rendah
  - D ekonomi telah mencapai guna tenaga penuh
- 27 Maklumat berikut berkaitan sejenis pengangguran dalam ekonomi

- |   |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"><li>- Pekerja sukar mencari pekerjaan dalam sektor ekonomi yang lain.</li><li>- Kemosrotan dalam industri tertentu menyebabkan pembuangan pekerja dalam sektor berkenaan.</li></ul> |
|---|

Apakah yang menyebabkan situasi tersebut berlaku?

- A Firma mengurangkan pengeluaran
  - B Kelewatan iklan kekosongan jawatan
  - C Berlaku ketidakstabilan harga komoditi
  - D Sikap buruh yang terlalu memilih pekerjaan
- 28 Inflasi tolakan kos berlaku disebabkan oleh
- A Peningkatan perbelanjaan kerajaan
  - B Peningkatan harga bahan mentah
  - C Peningkatan pinjaman bank
  - D Peningkatan pendapatan
- 29 Antara berikut, yang manakah merupakan cukai regresif?
- A Cukai barang dan perkhidmatan
  - B Cukai pendapatan petroleum
  - C Cukai pendapatan individu
  - D Cukai pendapatan syarikat

30 Antara berikut, yang manakah meruapakan hasil cukai langsung kerajaan?

- A Duti setem
- B Duti eksais
- C Duti import
- D Duti eksport

31 Maklumat berikut berkaitan sebahagian perbelanjaan kerajaan pada tahun 2022.

Butiran	RM (juta)
- Selenggara sekolah dan kem tentera	230
- Penyediaan bekalan elektrik luar bandar	485 1 800
- Pembinaan hospital dan peralatan baharu	3 100
- Subsidi kawalan harga barang	

Berapakah jumlah perbelanjaan mengurus kerajaan pada tahun tersebut?

- A RM 715 juta
- B RM 2 285 juta
- C RM 3 330 juta
- D RM 4 900 juta

32 Apakah tindakan bank pusat yang dapat menambah bekalan wang dalam pasaran?

- A Memendekkan tempoh bayaran balik pinjaman
- B Meningkatkan nisbah rizad berkanun
- C Menaikkan kadar faedah pinjaman
- D Membeli surat jaminan kerajaan

33 Situasi manakah berkaitan dengan cukai tak langsung?

- I Puan Norli membayar RM730 kepada Lemabaga Hasil Dalam Negeri atas pendapatannya
- II Puan Maritza dikenakan bayaran tambahan 17% daripada bayaran penginapan di Hotel Comel.
- III Syarikat Makmur membayar cukai kepada Jabatan Kastam Malaysia atas pembelian barang-barang makanan dari Jepun.
- IV Encik Saiful membayar cukai kepada Majlis Perbandaran Kemaman atas perkhidmatan pembersihan di kawasan kediamannya.

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

34 Belanjawan kurangan akan dilaksanakan oleh kerajaan apabila

- A imbangan dagangan negatif
- B kemelesetan ekonomi
- C lebihan permintaan
- D inflasi

35 Antara berikut, yang manakah betul tentang hasil kerajaan?

- I Contoh cukai tak langsung ialah bayaran lesen dan permit
- II Sumber hasil kerajaan terdiri daripada hasil cukai dan hasil bukan cukai
- III Cukai merupakan bayaran wajib dalam bentuk wang yang dikenakan kerajaan
- IV Cukai tak langsung merupakan cukai yang beban cukainya boleh dipindahkan kepada pihak lain

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

### LATIHAN ESEI

1 (a) Jelaskan secara ringkas objektif makroekonomi yang berikut:

(i) Kestabilan harga

[3 markah]

(ii) Kestabilan imbalan pembayaran

[3 markah]

(b) Bagaimanakah peranan kerajaan dalam mengawal selia pengeluar?

[4 markah]

2. Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah firma GLC.

Syarikat Air Terengganu (SATU) merupakan pengeluar air bersih di Terengganu.

Terangkan ciri-ciri monopoli semula jadi tersebut.

[6 markah]

3. Gambar menunjukkan satu projek yang dilaksanakan oleh kerajaan.



Jelaskan sebab kerajaan melaksanakan projek tersebut?

[5 markah]

4 (a) Terangkan jenis-jenis inflasi dalam ekonomi.

[4 markah]

(b) Jelaskan kesan inflasi kepada pengangguran dalam negara.

[4 markah]

5 (a) Jelaskan kepentingan mencapai kadar pertumbuhan ekonomi yang mampan

[4 markah]

(b) Mengapakah kadar pengangguran di Malaysia meningkat?

[5 markah]

6 Penyataan berikut berkaitan dengan suatu akta yang dikuatkuasakan di negara Malaysia

Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan merupakan akta untuk mengawal harga barangan dan caj bagi perkhidmatan dan melarang pencatutan. Akta ini mula dikuatkuasa pada 2011.

*Diubahsuai : www.bernama.com*

- (a) Bezakan antara dasar harga maksimum dengan dasar harga minimum. [4 markah]
- (b) Adakah wajar kerajaan memperkenalkan dasar harga maksimum dan dasar harga minimum. Jelaskan pendapat anda. [4 markah]

7 Maklumat berikut berkaitan dengan analisis unjuran ekonomi Malaysia.

**Ekonomi Malaysia catat -5.6 peratus pada 2020 susulan Covid-19**

KUALA LUMPUR - Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia mencatatkan penyusutan 3.4 peratus pada suku keempat 2020 dalam keadaan peningkatan ketara kes jangkitan Covid-19 sekali gus menjadikan prestasi keseluruhan tahun kepada -5.6 peratus berikutan perintah sekatan dan penutupan sempadan di peringkat global.

*Diubahsuai: Sinar Harian*

Jelaskan kesan pandemik covid-19 terhadap pertumbuhan ekonomi negara. [5 markah]

8 Maklumat berikut berkaitan dengan Encik Ali.

Encik Ali membayar cukai pendapatan syarikat pada setiap tahun. Beliau juga membayar levi kerana mengambil pekerja dari Indonesia untuk bekerja di syarikatnya.

Bandingkan kedua-dua cukai yang dibayar oleh Encik Ali. [5 markah]

9 Maklumat berikut menunjukkan beberapa komponen perbelanjaan kerajaan.

Perbelanjaan X	Perbelanjaan Y
Pembinaan sekolah	Pencen dan ganjaran

- (a) Nyatakan Perbelanjaan X dan Perbelanjaan Y [2 markah]
- (b) Bezakan kedua-dua jenis perbelanjaan kerajaan tersebut. [6 markah]

10 Pernyataan berikut berkaitan dengan dasar ekonomi negara X.

Kerajaan negara X telah menjalankan belanjawan kurangan semasa kemelesetan ekonomi

- (a) Bagaimanakah belanjawan kurangan dapat mengatasi masalah tersebut? [5 markah]
- (b) Terangkan tindakan bank pusat untuk mengatasi masalah ekonomi di negara X [6 markah]

## **BAB 6: MALAYSIA DAN EKONOMI GLOBAL**

Arahan: Isi maklumat pada ruang jawapan yang disediakan.

<b>PERDAGANGAN ANTARABANGSA</b>	
<b>Sebab-sebab PAB</b>	<b>Kepentingan PAB</b>
1.	1.
2.	2.
3.	3.
4.	4.
5.	5.
6.	6.
	7.

<b>KEBURUKAN SEKATAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA (PAB)</b>
1.
2.
3.
4.
5.
6.

### **Kesan Perubahan Kadar Pertukaran Asing**

<b>Permintaan RM</b>	<b>Penawaran RM</b>
Apabila _____ barangan	Apabila _____ barangan
warga asing _____ RM	negara _____ RM

## Kesan Perubahan Kadar Pertukaran Asing ke atas Eksport dan Import Malaysia

<b>Nilai RM meningkat Kesannya:</b>	
<b>Kesan eksport (X)</b>	<b>Kesan import (M)</b>
Harga barangan eksport _____	Harga barangan import _____
Permintaan eksport _____	Permintaan import _____
Jumlah eksport _____	Jumlah import _____
Nilai eksport _____	Nilai import _____
Jumlah _____	
Nilai import _____ nilai eksport	
Imbangan Dagangan Malaysia _____	
Imbangan Pembayaran Malaysia _____	

<b>Nilai RM jatuh Kesannya:</b>	
<b>Kesan eksport (X)</b>	<b>Kesan import (M)</b>
Harga barangan eksport _____	Harga barangan import _____
Permintaan eksport _____	Permintaan import _____
Jumlah eksport _____	Jumlah import _____
Nilai eksport _____	Nilai import _____
Jumlah _____	
Nilai eksport _____ nilai import	
Imbangan Dagangan Malaysia _____	
Imbangan Pembayaran Malaysia _____	

### **LATIHAN OBJEKTIF**

- 1 Pernyataan yang manakah betul berkaitan peranan khusus kerajaan dalam menggalakkan globalisasi?
  - A Memiliki ICT yang lengkap
  - B Pembukaan lapangan terbang baharu
  - C Pengembangan industri penggantian import
  - D Mengecualikan visa semasa ketibaan pelancong
  
- 2 Apakah keistimewaan perdagangan antarabangsa?
  - I Pelaburan asing meningkat
  - II Kadar pengangguran berkurangan
  - III Mengekalkan sumber alam semula jadi

IV Memelihara keistimewaan budaya masyarakat

A I dan II

B I dan III

C II dan IV

D III dan IV

3 Maklumat berikut adalah tentang perdagangan antarabangsa.

Kesatuan negara ASEAN meluluskan akta untuk menghalang minyak kelapa sawit daripada dilabelkan sebagai bahan api yang boleh diperbaharui menjelang tahun 2035 akibat kebimbangan terhadap penebangan hutan.

Sumber : *Ubahsuai HarianMetro, 16 Sept.2022*

Apakah bentuk sekatan tersebut?

A Halangan produk kerana tidak mematuhi standard sesebuah negara

B Larangan menetapkan had maksimum pengimportan sesuatu barang

C Kawalan pertukaran asing terhadap pengimport

D Perdagangan ke atas negara tertentu

4 Antara berikut, yang manakah kepentingan perdagangan antarabangsa terhadap pertumbuhan ekonomi negara?

A Pemindahan dan penggunaan teknologi lebih pesat

B Meningkatkan mobiliti buruh ke negara lain

C Menikmati harga barang yang lebih murah

D Perluasan pilihan pengguna

5 Bagi mengawal kemasukan barang import secara berlebihan, kerajaan mengenakan

A kawalan pertukaran asing

B sekatan bukan ekonomi

C subsidi

D tarif

6 Maklumat berikut berkaitan dengan perdagangan antarabangsa Malaysia

Syarikat GEMBIRA di Melaka menyewa kapal dagang dari Korea untuk mengeksport barangan makanan ke negara Vietnam

Antara berikut, yang manakah urus niaga yang terlibat?

I Eksport barang nampak

II Eksport barang tak nampak

III Import barang nampak

IV Import barang tak nampak

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

7 Apakah kebaikan sekatan perdagangan antarabangsa terhadap negara?

A Mengurangkan permintaan barangan tempatan

B Menambah penawaran barangan import

C Meningkatkan peluang pekerjaan

D Mengurangkan eksport




- 8 Matlamat utama perjanjian perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) adalah bertujuan untuk
- A mewujudkan kuasa monopoli yang tunggal dalam hubungan perdagangan dengan Eropah
  - B meningkatkan daya saing ASEAN melalui penghapusan sekatan tarif dan bukan tarif
  - C mengurangkan pergantungan import barang penggunaan dari negara maju
  - D mengamalkan dasar perlindungan antara semua negara anggota
- 9 Mengapakah kerajaan mengenakan kuota terhadap barang import?
- A Mengurangkan daya saing barang tempatan
  - B Melindungi industri muda dan tempatan
  - C Meningkatkan pendapatan negara
  - D Meluaskan pilihan pengguna
- 10 Antara yang berikut, manakah merupakan kesan dasar ekonomi terbuka dalam perdagangan antara bangsa?
- I Mengatasi masalah lambakan
  - II Melindungi industri tempatan
  - III Meningkatkan peluang pekerjaan
  - IV Menggalakkan perkongsian pintar
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 11 Maklumat berikut berkaitan dengan perdagangan antarabangsa.

Korea Utara bertekad tidak akan berurusan dengan inisiatif 'berani' Korea Selatan yang menawarkan bantuan untuk meningkatkan ekonomi negara itu sebagai 'ganjaran' jika menghentikan inisiatif pembangunan senjata nuklear.

Sumber: BH Online, Ogos 19, 2022

- Apakah bentuk sekatan tersebut?
- A Kawalan pertukaran asing terhadap pengimport
  - B Penetapan had maksimum pengimpotan sesuatu barang
  - C Larangan perdagangan ke atas negara tertentu demi keselamatan
  - D Halangan produk kerana tidak mematuhi standard sesebuah negara
- 12 Situasi yang manakah menunjukkan contoh eksport tak nampak negara?
- A Rakyat Brunei yang berkecukupan menyambung pengajian di UIA Gombak
  - B Firma dari Jerman mendapat kontrak membina pelabuhan di Johor
  - C Syarikat Perodua membawa masuk alat ganti dari Thailand
  - D Petronas Carigali membekalkan minyak mentah ke Jepun
- 13 Situasi manakah yang tentang import tak nampak Malaysia?
- A Syarikat dari Jepun membuka kilang di Terengganu
  - B Universiti Awam Malaysia membayar gaji pensyarah dari Arab Saudi
  - C Kerajaan England membayar bil utiliti untuk kedutaannya di Malaysia
  - D Pelancong dari Thailand menginap di sebuah hotel di Pulau Redang

- 14 Maklumat berikut berkaitan dengan kemasukan barang import.



- Aktiviti perniagaan yang manakah merujuk kepada Y?
- A Syarikat Megah Holdings membeli barangan dari negara Singapura kemudian menjual ke negara Korea
  - B Syarikat BEAUTIFUL yang menghasilkan barangan untuk dijual ke negara Filipina
  - C Syarikat CANTEK memproses barangan untuk dihantar ke negara Perancis
  - D Syarikat MINA yang membeli bahan mentah dari negara Hongkong
- 15 Apakah tujuan kerajaan mengenakan sekatan dalam sekatan perdagangan antarabangsa?
- A Mengelakkan sumber utama negara dieksport sebelum diproses
  - B Menawarkan pelbagai pilihan kepada pengguna tempatan
  - C Mengurangkan aliran wang masuk ke dalam negara
  - D Memperbaiki kedudukan imbalan pembayaran
- 16 Strategi yang manakah perlu dilaksanakan oleh kerajaan untuk membolehkan produk tempatan bersaing di peringkat global?
- A Memberi subsidi kepada pengusaha tempatan
  - B Meningkatkan kuota terhadap barangan
  - C Mengawal kadar tukaran wang asing
  - D Mengurangkan tarif yang sedia ada
- 17 Berikut berkaitan dengan perdagangan antarabangsa

Suraya dan Huda bercuti di Seoul, Korea dan membeli koleksi cenderamata untuk keluarganya di Malaysia.

- Apakah bentuk komposisi dagangan di atas?
- I Eksport nampak
  - II Eksport tak nampak
  - III Import nampak
  - IV Import tak nampak
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 18 Antara berikut, situasi yang manakah direkodkan pada Akaun Perkhidmatan dalam Akaun Semasa?
- A Pasukan bola sepak Johor menggunakan jurulatih dari Brazil
  - B Firma Bersatu Teguh mengeksport sayur-sayuran segar ke Thailand
  - C Pelabur Malaysia meningkatkan pelaburan dalam sektor pembinaan di Afrika
  - D Malaysia memberi sumbangan kewangan kepada mangsa gempa bumi Pakistan
- 19 Antara berikut, yang manakah merupakan komponen akaun semasa?
- I Akaun perkhidmatan
  - II Akaun kewangan

- III Akaun modal
- IV Akaun pendapatan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

20 Maklumat berikut menunjukkan butiran Akaun Semasa Malaysia pada tahun 2023

Butiran	RM juta
Barang	116 167
Perkhidmatan	-19 825
Pendapatan Primer	-50 186
Pendapatan Sekunder	-18 150

Pernyataan manakah yang betul?

- A Imbangan akaun semasa mengalami defisit sebanyak RM28 006 juta
- B Nilai pembayaran RM cenderung naik melebihi permintaan RM
- C Kadar pertukaran RM cenderung untuk meningkat
- D Kadar inflasi dalam negara cenderung menurun

21 Maklumat berikut berkaitan dengan keadaan Akaun Semasa Malaysia.

Imbangan Akaun Semasa mencatat lebih RM17.9 bilion pada suku ketiga 2023.

*Ubahsuai sumber: Bernama.com, 16 Disember 2023*

Pernyataan yang manakah **betul** tentang keadaan tersebut?

- A Nilai ringgit cenderung turun
- B Kuantiti import dari luar negara berkurang
- C Penawaran ringgit melebihi permintaan ringgit
- D Aliran keluar wang dari dalam negara bertambah

22 Apakah kesan lebih dalam akaun semasa?

- A Peningkatan dalam pendapatan negara
- B Penurunan kadar pertukaran asing
- C Peningkatan kadar pengangguran
- D Penurunan taraf hidup

23 Situasi yang manakah boleh memperbaiki imbalan pembayaran bagi Malaysia?

- A Penghantaran pelajar Malaysia ke Arab Saudi bertambah
- B Penggunaan kapal terbang Emirates Airways meningkat
- C Pelaburan Malaysia di Kemboja meningkat
- D Kemasukan pelancong US bertambah

24 Pilihan yang manakah betul tentang kesan imbalan pembayaran defisit?

- A Nilai mata wang tempatan semakin meningkat
- B Kegiatan ekonomi dalam negara semakin pesat
- C Rizab pertukaran asing di bank pusat berkurang
- D Nilai eksport barang tempatan semakin bertambah

- 25 Apakah maksud imbangan dagangan kurangan?  
 A Nilai eksport tak nampak melebihi nilai import tak nampak  
 B Nilai import nampak melebihi nilai eksport tak nampak  
 C Nilai import nampak melebihi nilai eksport nampak  
 D Nilai eksport nampak melebihi nilai import nampak
- 26 Maklumat di bawah berkaitan dengan satu fenomena ekonomi.

Dalam tempoh enam bulan kebelakangan ini, trend harga minyak mentah global telah menjunam naik lebih 50%.

- Antara yang berikut, akaun manakah dalam imbangan pembayaran akan terjejas?  
 A Akaun pindahan semasa dan akaun pelaburan portfolio  
 B Akaun pendapatan dan akaun pelaburan langsung  
 C Akaun perkhidmatan dan akaun modal  
 D Akaun dagangan dan akaun semasa
- 27 Pasangan yang manakah betul tentang permintaan dan penawaran Ringgit Malaysia(RM)?

	Ringgit Malaysia	Keterangan
A	Permintaan	Singapura mengimport kelapa sawit Malaysia
B	Permintaan	Lebih ramai rakyat Malaysia menunaikan haji di Mekah
C	Penawaran	PETRONAS menjalankan usaha mencari gali telaga minyak baharu di luar pantai Sabah
D	Penawaran	FAMA meningkatkan penghantaran pisang Montel ke Arab Saudi.

- 28 Situasi manakah merujuk kepada permintaan Ringgit Malaysia?  
 A Pelancong Malaysia menggunakan perkhidmatan Singapura Airline dari Kuala Lumpur ke Tokyo, Jepun  
 B Sebuah syarikat dari Korea mengimport minyak kelapa sawit daripada Felda Plantation  
 C Insaff Travel membawa 30 warga emas dari Kerteh menunaikan umrah di Makkah  
 D TS Eletronik Berhad mendapat bekalan komponen elektrik daripada Jerman
- 29 Situasi yang manakah mewujudkan permintaan terhadap Ringgit Malaysia?  
 I Rakyat Malaysia melancong ke Switzerland  
 II Pelabur Jepun membuat pelaburan di Malaysia  
 III Perancis mengimport minyak sawit dari Malaysia  
 IV Rakyat Malaysia menyewa kapal kargo Singapura
- A I dan II  
 B I dan IV  
 C II dan III  
 D III dan IV
- 30 Situasi manakah yang menyebabkan berlaku permintaan ke atas Ringgit Malaysia?  
 I Malaysia memberi bantuan kemanusiaan kepada pelarian Palestin  
 II China membeli petroleum mentah dari Malaysia  
 III Kemasukan pelaburan Scotland ke Malaysia  
 IV Syarikat Malaysia melabur di Vietnam
- A I dan II  
 B I dan IV  
 C II dan III  
 D III dan IV

- 31 Antara berikut, manakah yang akan menyebabkan nilai Ringgit Malaysia jatuh?
- I Malaysia meningkatkan daging import dari Australia
  - II Petronas Berhad menambahkan pelaburan di negara China
  - III Malaysia menjadi destinasi yang semakin diminati pelancong asing
  - IV Syarikat Perkapalan Malaysia (MISC) mendapat lebih banyak kontrak pengangkutan daripada firma asing
- A I dan II
  - B I dan III
  - C II dan III
  - D II dan IV

32 Permintaan terhadap Ringgit Malaysia akan berlaku apabila

- A nilai mata wang tinggi di pasaran
- B jumlah eksport negara meningkat
- C cukai import dari luar negara menurun
- D pemindahan modal ke luar negara merosot

33 Jadual 5 menunjukkan kadar pertukaran antara Pound Sterling (GBP) dengan Ringgit Malaysia (RM).

Tahun	Kadar Pertukaran
September 2022	GBP = RM5.43
Januari 2023	GBP = RM6.00

Jadual 5

**Firma S** mengimport suatu barang dari England bernilai GBP73 000 pada bulan September 2022, tetapi pembayaran dilakukan pada Januari 2023.

Pasangan yang manakah betul tentang kesan kepada **Firma S**?

	Untung / Rugi	Nilai (RM)
A	Untung	12 166.67
B	Untung	13 443.83
C	Rugi	13 443.83
D	Rugi	12 166.67

Pilihan jawapan bagi **Soalan 34** hingga **Soalan 40** berdasarkan jadual berikut:

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Salah	Salah
D	Betul	Betul

- 34
- I Globalisasi menyebabkan sempadan antara negara seolah-olah tidak wujud.
  - II Wujudnya peraturan dan norma baru meluaskan lagi dasar penswastaan dan liberalisasi perdagangan.

- 35 I Import merupakan kegiatan menjual barang dan perkhidmatan dari negara luar  
II Kegiatan membeli dan menjual semula barang dan perkhidmatan dikenali sebagai kegiatan enterport.
- 36 I Tarif Spesifik ialah cukai import yang dihitung berdasarkan jumlah nilai barang import.  
II Contoh tarif spesifik ialah Kastam Diraja Malaysia mengenakan cukai tetap ke atas setiap unit barang diimport oleh Syarikat MEWAH.
- 37 I Pertambahan barang import berubah secara langsung dengan nilai mata wang  
II Peningkatan nilai import menyebabkan nilai mata wang menaik
- 38 I Permintaan ke atas Ringgit Malaysia berhubung langsung dengan permintaan ke atas eksport negara.  
II Apabila nilai eksport meningkat, nilai Ringgit Malaysia cenderung naik.
- 39 I Kadar pertukaran asing adalah nilai satu unit mata wang sesebuah negara dalam sebutan wang negara lain.  
II Perubahan kadar pertukaran asing sesebuah negara akan menyebabkan perubahan permintaan ke atas eksport dan import negara lain.
- 40 I Penawaran terhadap Ringgit Malaysia berhubung secara langsung dengan eksport negara.  
II Apabila nilai eksport menurun, nilai Ringgit Malaysia cenderung meningkat.

### **LATIHAN ESEI BAB 6**

1. (a) Apakah maksud globalisasi? [2 markah]  
(b) Terangkan ciri-ciri globalisasi. [6 markah]  
(c) Terangkan faktor yang menggalakkan globalisasi. [6 markah]
2. Maklumat berikut berkaitan dengan firma luar negara yang bekerjasama dengan Malaysia.
- Kerjasama strategik Proton-Geely beri peluang kepada vendor kereta tempatan tembusi pasaran global
- Jelaskan kesan kerjasama tersebut kepada ekonomi negara. [6 markah]
3. (a) Mengapakah Malaysia menjalankan perdagangan antarabangsa dengan negara yang lain. [5 markah]  
(b) Terangkan kepentingan perdagangan antarabangsa kepada Malaysia [6 markah]  
(c) Jelaskan kesan terhadap pihak yang berikut akibat kemasukan barang import yang murah  
(i) Pengeluar tempatan [3 markah]  
(ii) Pengguna [3 markah]

4. Maklumat berikut menunjukkan dua sekatan perdagangan antarabangsa.

<b>Sekatan A</b>	<b>Sekatan B</b>
Malaysia mengenakan cukai sebanyak RM25 ke atas setiap unit pemotong daging yang diimport	Malaysia menghadkan kuantiti beras yang diimport sebanyak 10 000 tan sebulan.

(a) Kenal pasti kedua-dua sekatan antarabangsa tersebut. [2 markah]

(b) Jelaskan kesan sekatan B kepada pasaran beras tempatan [5 markah]

5. Jelaskan kelebihan liberalisasi perdagangan [5 markah]

6. Jadual berikut berkaitan dengan akaun semasa negara A dan negara B.

<b>Butiran</b>	<b>Negara A (RM juta)</b>	<b>Negara B (RM juta)</b>
Akaun barangan	750	590
Akaun perkhidmatan	-490	225
Akaun pendapatan primer	-310	-400
Akaun pendapatan sekunder	-245	-210

(a) Hitungkan imbalan akaun semasa bagi negara A. [2 markah]

(b) Terangkan tiga implikasi kedudukan imbalan akaun semasa negara B terhadap negaranya. [3 markah]

7. Jadual berikut menunjukkan nilai eksport dan nilai import Malaysia bagi tahun 2020.

<b>Butiran</b>	<b>Jumlah (RM juta)</b>
Eksport barang perkilangan	222 031
Eksport komoditi utama	17 250
Import barang penggunaan	64 563
Import barang perantaraan	15 563

(a) Hitung imbalan dagangan berdasarkan jadual di atas. [ 2 markah]

(b) Tafsirkan kedudukan imbalan dagangan di (a). [2 markah]

8. Jadual berikut menunjukkan kadar pertukaran antara Ringgit Malaysia berbanding dengan setiap Dolar Sweden.

<b>Bulan/Mata wang</b>	<b>€1.00</b>
April	RM3.80
Mei	RM4.00

Jika warga Sweden ingin melabur sebanyak RM60 000 di Malaysia pada bulan April, berapakah Dolar Sweden perlu disediakan untuk tujuan tersebut?

[3 markah]

9. Berikut merupakan kadar pertukaran antara Ringgit Malaysia (RM) berbanding dengan Dolar Amerika Syarikat (USD) pada tahun 2024.

Tarikh	USD	MYR
9 Mac 2024	USD 1	RM4.50
20 Mei 2024	USD 1	RM4.90

Pn. Aisah ingin melancong ke Amerika Syarikat pada 9 Mac 2024.

Adakah masa tersebut sesuai untuk beliau melancong ke Amerika Syarikat? Jelaskan.

[5 markah]

10. Jadual menunjukkan perubahan kadar tukaran asing antara Dollar Amerika Syarikat (USD) berbanding Ringgit Malaysia (RM) dalam tempoh 2 tahun.

Kadar Tukaran Asing	2 Jan 2022	2 Jan 2023
RM bagi seunit USD	4.32	4.68

<https://www.anm.gov.my/awam/pertukaran-mata-wang-asing>

- (a) Apakah arah aliran kadar pertukaran Ringgit Malaysia (RM) berbanding Dollar Singapura (SGD)

[1 markah]

- (b) Berdasarkan jawapan anda di (a), jelaskan kesan perubahan tersebut terhadap harga eksport dan import Malaysia.

[5 markah]



## SOALAN RUBRIK

- 1 Maklumat berikut berkaitan dengan satu situasi dalam ekonomi.

**Kadar kemasukan pekerja Bangladesh ke Malaysia membimbangkan**

PETALING JAYA: Menurut Andy Hall seperti dilaporkan FMT, satu lagi perkara membimbangkan adalah bilangan rakyat Bangladesh yang datang ke Malaysia untuk bekerja jauh tinggi berbanding warganegara lain.

Sebuah akhbar Bangladesh melaporkan, memetik biro tenaga kerja, pekerjaan dan latihan negara itu, lebih 300,000 daripada 450,000 pekerja sah memasuki Malaysia sejak pasaran tenaga kerja dibuka semula pada Disember 2021.

Sumber: <https://www.bharian.com.my>, 20 September 2023

Situasi tersebut boleh memberi kesan terhadap pembangunan dan ekonomi negara.

Bincangkan

[9 markah]

- 2 Maklumat berikut berkaitan dengan inisiatif ditawarkan kepada penjawat awam .

KUALA LUMPUR: Kerajaan mengumumkan pemberian bantuan khas penghargaan sebanyak RM300 kepada penjawat awam gred 56 ke bawah termasuk lantikan kontrak, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Katanya, bantuan yang memanfaatkan 1.3 juta penjawat awam dan lebih sejuta pesara itu akan diberikan dalam tempoh dua minggu dan sebagai permulaan sementara menunggu proses pelarasan gaji dan elaun penjawat awam selesai diperincikan.

Sumber : Berita Harian.com.mv. 27 Julai 2023

Inisiatif yang ditawarkan kepada penjawat awam ini akan memberikan kesan kepada ekonomi Malaysia.

Bersetujukah anda dengan pernyataan tersebut?

Kemukakan alasan anda.

[9 markah]

- 3 Maklumat berikut berkaitan dengan Eksternaliti.

**Pusat pelupusan sampah daerah Besut terbakar lagi**

BESUT: Kira-kira satu hektar kawasan di pusat pelupusan sampah daerah Besut di Kampung Paya Rawa, di sini, terbakar petang semalam, kejadian kali kedua dalam tempoh kurang sebulan.

Difahamkan, kali pertama tapak pelupusan sampah itu terbakar pada 14 Mei lalu, membabitkan kawasan kira-kira 0.6 hektar, dipercayai akibat cuaca panas berterusan.

Sumber: <https://www.bharian.com.my>, 8 Jun 2024

Situasi tersebut boleh memberi kesan terhadap pembangunan dan ekonomi penduduk tempatan.

Bincangkan.

[9 markah]

4 Maklumat berikut berkaitan dengan syarikat Multinasional.

KUALA TERENGGANU, 18 Jun – TDM Berhad merupakan syarikat Multinasional yang juga anak syarikat (GLC) Terengganu terus mengekalkan prestasi cemerlang dalam operasi kerja dan perancangan masa depan.

Ketua Pegawai Eksekutif TDM Plantation Sdn Bhd, Hamdan Ibrahim berkata prestasi TDM terus meningkat seperti pada tahun kewangan 2022, TDM berjaya mencatatkan hasil tertinggi dalam sejarah iaitu sebanyak RM 614.4 Juta.

Sektor Perladangan, TDM dengan kerjasama dengan dua syarikat perladangan kelapa sawit, PT Rafi Kamajaya Abadi (RKA) dan PT Sawit Rezki Abadi (SRA) yang terletak di Indonesia.

Sumber : Ubah suai daripada [terengganu.gov.my](http://terengganu.gov.my), 19 Jun 2023

Prestasi kewangan TDM tahun 2022 akan memberi kesan kepada rakyat negeri Terengganu.  
Bincangkan [9 markah]

5 Maklumat berikut berkaitan dengan tindakan kerjaan terhadap pasaran suatu produk.

### Diesel harga baru, pasir pula naik harga?

PETALING JAYA – Baru beberapa jam sahaja pengguna kenderaan perlu membayar harga baru minyak diesel sebanyak RM3.35 seliter berbanding harga lama RM2.15 seliter di semua stesen runcit, harga pasir pembinaan pula dikatakan turut naik.

Bagi kenderaan van (lori satu tan) tambahan harga sebanyak RM20, lori enam tayar (tiga tan), tambahan harga RM30 dan lori 10 tayar pula, ada penambahan harga RM50.

Sumber : Ubah suai daripada <https://www.kosmo.com.my>, 10 Jun 2024

Tindakan kerajaan tersebut memberi impak yang besar kepada pasaran tempatan.  
Bincangkan.

[9 markah]

6 Maklumat berikut berkaitan dengan perbelanjaan kerajaan.

**Selangor 2024 MALAYSIA MADANI**

# PERMOHONAN BANTUAN TUNAI BULANAN RM200

**KINI DIBUKA UNTUK RAKYAT MALAYSIA**

**PROGRAM BANTUAN SUBSIDI MADANI BUDI MADANI**

Penyerasan subsidi bahan api diesel melibatkan pemilik kenderaan diesel, perorangan individu, perniagaan kecil dan pekebun kecil komoditi serta pengangkutan barangan darat di Semenanjung Malaysia.

**KATEGORI PENERIMA:**

- BUDI INDIVIDU**  
Bantuan subsidi tunai disediakan kepada pemilik kenderaan diesel individu.
- BUDI AGRI-KOMODITI**  
Bantuan subsidi tunai disediakan kepada golongan petani, pemernak dan pekebun kecil yang layak.

**MYSUBSIDI DIESEL**  
Subsidi khusus untuk kenderaan awam dan pengangkutan barangan darat yang layak untuk terus mendapatkan subsidi diesel melalui Jertam card.

UNTUK MAKLUMAT LANJUT  
<http://budimadani.gov.my>  
1-800-88-2747 / 03-8882-4382 / 03-8882-4384  
[budimadani@treasury.gov.my](mailto:budimadani@treasury.gov.my)

Sumber : <https://budimadani.gov.my>, 2 Julai 2024

Kerajaan berpendapat bantuan di atas perlu diteruskan.  
Kemukakan hujah anda.

[9 markah]

7 Maklumat berikut berkaitan dengan satu bentuk tindakan kerajaan dalam ekonomi.

Kerajaan menanggung subsidi dan kawalan bagi harga ayam serta telur sebanyak RM200 juta sebulan susulan keputusan meneruskan pemberiannya.

Ia mengambil kira rakyat yang masih memerlukan bantuan kerajaan untuk mendapatkan bekalan ayam dan telur pada harga lebih rendah.

Sumber : <http://www.bharian.com.my> bertarikh 10 Jun 2023

Kerajaan perlu meneruskan pemberian subsidi barang tersebut untuk kepentingan rakyat.

Bersetujukah anda dengan pernyataan di atas?

Kemukakan alasan anda.

[9 markah]

8 Maklumat berikut berkaitan dengan pelaksanaan kadar gaji minimum di Malaysia.

Kuala Lumpur: Keputusan kerajaan melaksanakan kadar gaji minimum RM1,500 bermula Mei lalu, menjadikan Malaysia antara negara yang mempunyai kadar pemberian gaji minimum tertinggi dalam kalangan negara ASEAN.

Kali terakhir gaji minimum dinaikkan adalah pada 1 Februari 2020, dengan kenaikan RM100 kepada RM1,200 daripada RM1,100 sebulan, ketika pembentangan Bajet 2020

Sumber : <http://www.bharian.com.my>, 15 November 2022.

Untuk memastikan kehidupan lebih selesa, bagaimanakah anda dapat meningkatkan jumlah pendapatan keluarga?

[9 markah]



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI TERENGGANU**

**MODUL  
INTERVENSI PEMBELAJARAN  
SPM 2024**

**PERATURAN PEMARKAHAN**

**EKONOMI**

## JAWAPAN

### BAB 1: PENGENALAN KEPADA EKONOMI LATIHAN OBJEKTIF

No. Soalan	Jawapan	No. Soalan	Jawapan	No. Soalan	Jawapan	No. Soalan	Jawapan
1	D	11	C	21	B	31	C
2	D	12	C	22	B	32	C
3	A	13	D	23	A	33	C
4	D	14	D	24	B	34	A
5	B	15	D	25	A	35	C
6	B	16	B	26	A	36	C
7	A	17	A	27	D	37	C
8	A	18	C	28	B	38	B
9	B	19	B	29	D	39	D
10	A	20	B	30	A	40	A

### LATIHAN ESEI

1	(a)	H1 Kekurangan H2 Pendapatan terhad H3 Pilihan H4 memilih barang dan perkhidmatan yang dapat maksimumkan kepuasan H5 Kos lepas H6 barang kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan akibat memilih yang lebih baik	1 1 1 1 1 1 [ 5M]
	(b)(i)	Masalah kekurangan, pilihan dan kos lepas: Isi rumah Kekurangan - pendapatan terhad Pilihan – barang dan perkhidmatan yang memaksimumkan kepuasan Kos lepas – barang kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan akibat memilih barang yang lebih baik.	1 1 1 [3M]
	(b)(ii)	Kerajaan Kekurangan - sumber hasil negara/ pendapatan negara Pilihan - projek yang memaksimumkan kebajikan masyarakat Kos lepas - projek kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan akibat memilih projek yang memaksimumkan kebajikan masyarakat.	1 1 1 [3M]
2	(a) (i)	Masalah kekurangan hasil kerajaan	[1M]
	a)(ii)	F1 Kos lepas ialah projek pembangunan kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan oleh kerajaan. F2 Kos lepas ialah projek pelebaran jalan Jerteh – Bukit kenak F3 Kedua-dua projek ini tidak dapat dilaksanakan kerana sumber hasil kerajaan tidak mencukupi.	1 1 1 [3M]

2	(b)	F1 Tanah		F2 Modal	
		H1 Sumber semulajadi anugerah tuhan		H2 Alat ciptaan manusia yang digunakan untuk mengeluarkan barang dan perkhidmatan	
		H1a Menjadi semakin berharga / mahal		H2a Mengalami susut nilai / kehausan	
		H1b Tidak mempunyai mobiliti geografi / Tidak boleh dipindahkan		H2b Mempunyai mobiliti geografi yang tinggi / mudah dipindahkan	
		H1c Pemilik tanah mendapat ganjaran sewa		H2c Pemilik modal mendapat ganjaran faedah	
2	(c)	H1 Ya,Puan Suhaiza dianggap sebagai usahawan		1	
		H2 Menggabungkan semua faktor pengeluaran dengan cekap / mengupah 10 orang pekerja		1	
		H3 Untuk menjalankan perusahaan ayam goreng		1	
		H4 Bertujuan mencapai keuntungan yang maksimum / kos yang minimum		1	
		H5 Individu yang bekerja sendiri		1	
		H6 Seorang yang kreatif / inovatif / bijak membuat keputusan		1	
		H7 Berani menghadapi risiko		[4M]	
2	(d)	F1 Berapa yang hendak dikeluarkan		1	
		H1 Penentuan kuantiti / jumlah barang yang hendak dikeluarkan		1	
		H1a Tidak berlaku masalah kekurangan atau lebih barangan di pasaran		1	
		H1b Berdasarkan permintaan masyarakat / mekanisme pasaran		1	
		F2 Untuk siapa dikeluarkan		1	
		H2 Penentuan corak agihan barangan		1	
		H2a Berdasarkan corak agihan pendapatan		1	
		H2b Golongan kaya mendapat lebih banyak barang berbanding golongan yang kurang berkemampuan		1	
				[4M]	
3	(i)	Tiga faktor pengeluaran			
		- Usahawan		1	
		- Individu yang menggabungkan faktor-faktor pengeluaran untuk menghasilkan barang dan perkhidmatan.		1	
		- Sanggup menanggung risiko/tidak mudah putus asa		1	
		- Ganjaran: untung		1	
		- Buruh		1	
		- Mengeluarkan tenaga dari segi fizikal dan mental dalam proses pengeluaran.		1	
		- Ganjaran: mendapat upah		1	
		- Modal		1	
		- Alat yang digunakan dalam proses pengeluaran		1	
		- Ganjaran: faedah		1	
				[ 6M]	
	(ii)	Ciri-ciri yang ada:			
		- Berani menanggung risiko		1	

		<ul style="list-style-type: none"> <li>- Tidak mudah putus asa</li> <li>- Pandai membuat keputusan</li> <li>- Rajin</li> </ul>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[ 3M]</p>
	(iii)	<p>Masalah yang dihadapi:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kekurangan</li> <li>- sumber ekonomi yang terhad</li> <li>- Pilihan :</li> <li>- keluaran yang memaksimumkan keuntungan dan meminimumkan kos,</li> <li>- Kos lepas:</li> <li>- keluaran kedua terbaik yang terpaksa akibat memilih keluaran yang lebih baik.</li> </ul>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[5M]</p>
4	(i)	<p>Apa yang hendak dikeluarkan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- merujuk kepada penentuan jenis barangan</li> <li>- diselesaikan berdasarkan permintaan atau cita rasa masyarakat</li> <li>- menentukan corak agihan atau peruntukan sumber dalam ekonomi</li> <li>- memastikan pengguna memperoleh kepuasan yang maksimum, pengeluar memperoleh keuntungan yang maksimum dan kerajaan menjana kebajikan yang maksimum</li> </ul>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[3M]</p>
	(ii)	<p>Berapa yang hendak dikeluarkan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- penentuan kauntiti barangan</li> <li>- untuk memastikan tidak berlaku masalah kekurangan atau lebih dalam pasaran</li> <li>- ditentukan berdasarkan permintaan masyarakat dan faktor pengeluaran yang diperuntukkan</li> </ul>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[3M]</p>
	(iii)	<p>Bagaimana yang hendak dikeluarkan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- cara atau teknik pengeluaran</li> <li>- pengeluar boleh memilih teknik pengeluaran</li> <li>- kaedah berintensifkan modal. Pengeluar menggunakan lebih banyak faktor modal</li> <li>- kaedah berinsentifkan buruh. Pengeluar yang menggunakan lebih banyak faktor buruh berbanding dengan faktor modal.</li> <li>- Pemilihan cara pengeluaran berdasarkan harga relative antara faktor buruh dan faktor modal atau teknik pengeluaran yang paling cekap</li> </ul>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[3M]</p>
	(iv)	<p>Untuk siapa hendak dikeluarkan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Penentuan pengagihan barangan</li> <li>- Berasaskan kepada corak agihan pendapatan wang</li> <li>- Golongan pendapatan tinggi memperoleh lebih banyak barang berbanding golongan berpendapatan rendah.</li> </ul>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[3M]</p>

5	(a)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Titik F</li> <li>- Ekonomi gagal menggunakan faktor pengeluaran yang ada</li> <li>- Berlaku masalah penganguran / Pembaziran</li> </ul>	<p style="text-align: right;">1 1 1 [3M]</p>																		
	(b)	<p>Dari titik B ke titik C</p> <p>Kos Lepas = Perubahan unit pakaian / Perubahan unit makanan</p> $= (6 - 8) / (3 - 4)$ $= 2$	<p style="text-align: right;">1 1 1 [2M]</p>																		
6	(a)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Untuk menambah 5 unit barang B, semakin banyak barang A perlu dilepaskan.</li> <li>- 2 unit barang A dilepaskan</li> <li>- Kos lepas barang B semakin meningkat.</li> <li>- Akibat daripada faktor pengeluaran yang tidak sama cekap.</li> <li>- Kos lepas yang semakin meningkat ditunjukkan oleh keluk KKP yang berbentuk cembung.</li> </ul>	<p style="text-align: right;">1 1 1 1 1</p>																		
	(b)	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse; text-align: center;"> <thead> <tr> <th style="width: 20%;">Titik</th> <th style="width: 30%;">Barang A</th> <th style="width: 30%;">Barang B</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>P</td> <td>20</td> <td>0</td> </tr> <tr> <td>Q</td> <td>19</td> <td>5</td> </tr> <tr> <td>R</td> <td>17</td> <td>10</td> </tr> <tr> <td>S</td> <td>13</td> <td>15</td> </tr> <tr> <td>T</td> <td>0</td> <td>20</td> </tr> </tbody> </table>	Titik	Barang A	Barang B	P	20	0	Q	19	5	R	17	10	S	13	15	T	0	20	<p style="text-align: right;">[2M]</p>
Titik	Barang A	Barang B																			
P	20	0																			
Q	19	5																			
R	17	10																			
S	13	15																			
T	0	20																			
	(c)	<p>Andaian untuk KKP</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Ekonomi telah mencapai guna tenaga penuh</li> <li>- Ekonomi hanya mengeluarkan 2 jenis barang sahaja</li> <li>- Sumber ekonomi yang dimiliki adalah terhad dan tetap</li> <li>- Tingkat teknologi adalah tetap</li> </ul>	<p style="text-align: right;">1 1 1 1 [2M]</p>																		
7	(a)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Titik B menunjukkan kombinasi pengeluaran yang tidak cekap</li> <li>- Ekonomi gagal menggunakan faktor pengeluaran yang ada</li> <li>- Berlaku masalah penganguran / Pembaziran</li> </ul>	<p style="text-align: right;">1 1 1 [3M]</p>																		
	(b)	- Had maksimum tingkat pengeluaran dapat dicapai	<p style="text-align: right;">[1M]</p>																		
8	(ai)	<p>Hasmah - Sistem Ekonomi Campuran</p> <p>Azlina - Sistem Perancangan Pusat</p>	<p style="text-align: right;">1 1</p>																		
	(a ii)	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="width: 40%;">Masalah Asas Ekonomi</th> <th style="width: 60%;">Sistem Ekonomi Campuran (Hasmah)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">Berapa yang hendak dikeluarkan</td> <td>Jumlah kuantiti barang ekonomi yang dikeluarkan oleh pengeluar ditentukan melalui interaksi permintaan dan penawaran pasaran/ mekanisme pasaran</td> </tr> </tbody> </table>	Masalah Asas Ekonomi	Sistem Ekonomi Campuran (Hasmah)	Berapa yang hendak dikeluarkan	Jumlah kuantiti barang ekonomi yang dikeluarkan oleh pengeluar ditentukan melalui interaksi permintaan dan penawaran pasaran/ mekanisme pasaran	<p style="text-align: right;">1+1</p>														
Masalah Asas Ekonomi	Sistem Ekonomi Campuran (Hasmah)																				
Berapa yang hendak dikeluarkan	Jumlah kuantiti barang ekonomi yang dikeluarkan oleh pengeluar ditentukan melalui interaksi permintaan dan penawaran pasaran/ mekanisme pasaran																				



		<p>Kerajaan menentukan kuantiti barang awam berdasarkan keperluan rakyat</p> <p>Bagaimana hendak dikeluarkan</p> <p>Teknik pengeluaran barang ekonomi bergantung kepada harga relatif faktor di pasaran faktor yang memaksimumkan untung dan mengurangkan kos</p> <p>Kerajaan menentukan teknik pengeluaran untuk memaksimumkan kebajikan masyarakat</p>	<p>1+1</p> <p>[4m]</p>
9		<p>3 kelebihan system ekonomi yang diamalkan oleh negara Azlina</p> <p>F1- Agihan pendapatan yang seimbang</p> <p>H1 – barang dan perkhidmatan diagihkan sama rata</p> <p>F2- Barang awam dan kebajikan masyarakat diutamakan</p> <p>H2- kerajaan bermotifkan kebajikan masyarakat maksimum</p> <p>F3- Peuntukan sumber kearah kebajikan rakyat</p> <p>H3- Faktor pengeluaran diagihkan melalui badan perancangan pusat</p> <p>F4- Pengeluaran secara berskala besar</p> <p>H4- kerajaan sebai pemilik faktor dan pengeluar tunggal dalam pasaran</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[4M]</p>
10	(a)	<p>Peranan kerajaan dalam sistem ekonomi campuran :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>-Membekalkan barangan awam</li> <li>-Contoh – hospital, sekolah, klinik dan sebagainya</li> <li>-Merapatkan jurang pendapatan antara penduduk</li> <li>-Golongan berpendapatan tinggi membayar cukai yang tinggi</li> <li>-Mengurangkan kesan eksternaliti negatif</li> <li>-Melaksanakan peraturan dan undang-undang yang mengawal kesan eksternaliti negatif seperti Akta Kawalan Alam Sekitar</li> <li>-Mengawal harga barang dan perkhidmatan</li> <li>-Mengeluarkan lesen kepada peniaga supaya aktiviti pengeluar tidak bercanggah dengan peraturan yang ditetapkan</li> <li>-Mengatasi masalah inflasi / ekonomi stabil</li> <li>-Memastikan golongan berpendapatan rendah / miskin dibantu</li> <li>-Melaksanakan program ekonomi awam</li> </ul>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[6M]</p>
10	(b)(i)	Sistem Ekonomi Perancangan Pusat	[1M]
	(b)(ii)	<p>Persamaan:</p> <p>H1 Kerajaan mengeluarkan barang awam</p> <p>H2 Kerajaan bermotif memaksimumkan kebajikan masyarakat</p> <p>H3 Kerajaan mengawal harga barang awam</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p>

		H4 Kerajaan mengeluarkan barang awam untuk semua masyarakat Perbezaan:	1									
		<table border="1"> <thead> <tr> <th>Masalah asas ekonomi</th> <th>S.E. Perancangan pusat</th> <th>S.E. Campuran</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Berapa yang hendak dikeluarkan</td> <td>Jumlah pengeluaran ditentukan oleh kerajaan mengikut keperluan rakyat</td> <td>Jumlah pengeluaran mengikut mekanisme pasaran / kuasa permintaan dan penawaran pasaran</td> </tr> <tr> <td>Bagaimana hendak dikeluarkan</td> <td>Kerajaan memilih kaedah pengeluaran yang paling cekap memaksimumkan kebajikan</td> <td>Firma memilih kaedah pengeluaran yang dapat memaksimumkan untung / meminimumkan kos memilih kaedah yang dapat memaksimumkan Kebajikan Masyarakat.</td> </tr> </tbody> </table>	Masalah asas ekonomi	S.E. Perancangan pusat	S.E. Campuran	Berapa yang hendak dikeluarkan	Jumlah pengeluaran ditentukan oleh kerajaan mengikut keperluan rakyat	Jumlah pengeluaran mengikut mekanisme pasaran / kuasa permintaan dan penawaran pasaran	Bagaimana hendak dikeluarkan	Kerajaan memilih kaedah pengeluaran yang paling cekap memaksimumkan kebajikan	Firma memilih kaedah pengeluaran yang dapat memaksimumkan untung / meminimumkan kos memilih kaedah yang dapat memaksimumkan Kebajikan Masyarakat.	1 +1  1+1  [Mak 4m]
Masalah asas ekonomi	S.E. Perancangan pusat	S.E. Campuran										
Berapa yang hendak dikeluarkan	Jumlah pengeluaran ditentukan oleh kerajaan mengikut keperluan rakyat	Jumlah pengeluaran mengikut mekanisme pasaran / kuasa permintaan dan penawaran pasaran										
Bagaimana hendak dikeluarkan	Kerajaan memilih kaedah pengeluaran yang paling cekap memaksimumkan kebajikan	Firma memilih kaedah pengeluaran yang dapat memaksimumkan untung / meminimumkan kos memilih kaedah yang dapat memaksimumkan Kebajikan Masyarakat.										
11	(i)	Kos lepas 100 unit barang X $\frac{100-110}{50-0}$ = -0.2	1  1 [2m]									
	(ii)	100 unit barang Y $\frac{100-50}{50-100}$ = -1	1  1 [2m]									
12		- Tidak setuju - Tahap pengeluaran tidak cekap - Sumber / faktor pengeluaran tidak digunakan sepenuhnya - Berlaku pengangguran /pembaziran sumber	1 1 1 1 [4m]									
13		Cara saya menyelesaikan masalah ekonomi: H1 Ahmad kekurangan wang / hanya mempunyai RM 6.00 H2 perlu memilih samada membeli nasi lemak ayam atau mee goreng H3 Ahmad memilih untuk membeli nasi lemak ayam H4 Untuk memaksimumkan kepuasan H5 Kos lepas ialah mee goreng H6 Iaitu barang kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan untuk mendapatkan barang yang terbaik	1 1 1 1 1 1 [5m]									

14	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Syarikat Azam Maju Sdn. Bhd mengalami masalah kekurangan</li> <li>- Sumber ekonomi / faktor pengeluaran</li> <li>- Iaitu : Buruh / Tanah / Modal / Usahawan</li> <li>- Syarikat Azam Maju Sdn. Bhd terpaksa membuat pilihan</li> <li>- Topi/Kasut sukan</li> <li>- Untuk memaksimumkan keuntungan</li> <li>- Wujud kos lepas kasut sukan/topi</li> </ul>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[5 m]</p>
15	<p>Peranan kerajaan dalam sistem ekonomi campuran:</p> <p>H1 Menyediakan barang awam seperti sekolah dan hospital</p> <p>H2 Mewujudkan kestabilan ekonomi</p> <p>H3 Merapatkan jurang pendapatan masyarakat</p> <p>H4 Mengurangkan kesan eksternaliti negatif</p> <p>H5 Mengawal harga barang dan perkhidmatan</p> <p>H6 Melaksanakan program ekonomi awam</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[4M]</p>
